

BAB TIGA: PENCAPAIAN UMNO MELAKA DALAM PILIHANRAYA UMUM 1959 HINGGA 1986

Pilihanraya ialah satu proses untuk memilih wakil bagi memenuhi sesuatu jawatan di dalam sesuatu organisasi kerajaan atau negara, di mana sekumpulan rakyat yang berkelayakan¹ menunjukkan pilihan terhadap seseorang daripada beberapa orang calon. Pemilihan yang dibuat oleh seseorang itu dilakukan secara sedar malah cara dan bagaimana ia menentukan siapa yang akan dipilihnya adalah pada umumnya telah terlebih dahulu diketahui dan dipersetujuinya sebelum ia menjalankan proses pemilihan secara rasmi.² Menurut kamus dewan pula, terdapat dua jenis pilihanraya iaitu pilihanraya umum dan pilihanraya kecil. Pilihanraya umum ialah pilihanraya yang dijalankan untuk memilih wakil-wakil rakyat dan ke Parlimen (Dewan Negeri). Manakala pilihanraya kecil ialah pilihanraya yang diadakan untuk mengisi satu atau beberapa kekosongan kerusi sahaja di Parlimen dan sebagainya yang disebabkan oleh kematian atau perletakan jawatan anggota.³

Sebelum pilihanraya umum yang pertama, pilihanraya Majlis Perundingan Persekutuan telah diadakan. Dalam pilihanraya itu Perikatan telah menang 51 daripada 52 kerusi yang ditetapkan. Peratusan pengundi Melayu dalam pilihanraya itu ialah 84.2 peratus manakala telah terdapat pertambahan bilangan pengundi Cina sebanyak 11.2 peratus dan India 4.6 peratus.⁴ Jumlah pengundi Cina dan India menjadi lebih tinggi selepas tahun 1956, akibat penerimaan dasar *jus soli* 1956 tanpa sebarang syarat. Ini bermakna peruntukan sebegini memberi peluang kepada sesiapa sahaja yang telah lahir sebelum, pada dan selepas merdeka untuk menjadi

rakyat Tanah Melayu tanpa sebarang syarat. Keadaan ini telah mempengaruhi corak pengundian dalam pilihanraya-pilihanraya umum yang selanjutnya. Ia mempengaruhi peratusan undi orang Melayu kepada UMNO dan parti-parti politik pembangkang Melayu yang lain. Jumlah peratusan pengundi Melayu merosot pengundi bukan Melayu bertambah.

Pilihanraya umum di Tanah Melayu telah diadakan pada tahun 1959 merupakan pilihanraya pertama setelah UMNO dan Perikatan memerintah selama lima tahun seperti yang ditetapkan oleh perlumbagaan.⁵ Bagi meneruskan pemerintahannya, Parti Perikatan terpaksa mendapat mandat daripada orang ramai untuk memerintah. Pilihanraya digunakan sebagai pencapaian Perikatan bagi menguji setakat mana keberkesanan Perikatan sebagai parti pemerintah. Pilihanraya juga sangat berguna bagi parti politik yang lain untuk mengambil peluang bertanding dan menguji pengaruh mereka.

Pilihanraya Umum 1959

Di Melaka pilihanraya bagi Dewan Undangan Negeri (D.U.N) Melaka pertama kali telah diadakan pada 23 Mei 1959. Dalam pilihanraya ini Melaka terbahagi kepada 20 kawasan petandingan. Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC telah bertanding di kesemua kawasan tersebut. Calon-calon daripada Parti Perikatan antaranya seperti Ghaffar Baba, Hassan b. Mansor, Mohd b. Abdul Rahman, Tawi b. Hj Abd Hamid, Thamby Chik Karim, Mohd Sudin b. Abdul Rahman, Hj Talib Karim, dan beberapa orang calon lagi. Manakala 20

kawasan pertandingan pilihanaya di Melaka ialah Kota Selatan, Kota Tengah, Kota Barat, Kota Utara, Kota Utara, Kota Timur, Tanjong Keling, Bukit Rambai, Batu Berendam, Semabok, Kandang, Sungai Bahru, Ramuan China, Masjid Tanah, Alor Gajah, Pulau Sebang, Batang Melaka, Rim, Jasin, Serkam dan Sungai Rambai.

Dalam pilihanraya ini, manifesto Perikatan bertemakan “keamanan, keadilan dan kemakmuran” yang meliputi segala bidang dan lapangan yang membawa faedah dan kemajuan kepada rakyat. Ini adalah salah satu cara Perikatan untuk menarik sokongan rakyat supaya mengundi calon-calon Perikatan.⁶

Dalam pilihanraya ini beberapa isu penting telah diutarakan oleh parti pembangkang seperti PAS, PPP (People's Progressive Party), Parti Buruh, Parti Negara dan Parti Rakyat di dalam kempen masing-masing. Parti PAS menggunakan soal-soal kemelayuan seperti kerakyatan *jus soli*, bahasa kebangsaan, agama Islam dan kemiskinan orang Melayu. Parti Rakyat, Parti Buruh dan PPP pula banyak mempersoalkan kepada soal berat sebelah dalam kuasa politik Tanah Melayu seperti kedudukan istimewa Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kelemahan-kelemahan MCA untuk memperjuangkannya. Manakala Parti Negara di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar lebih banyak mempersoalkan ketidakpuasan hati terhadap kemerdekaan yang diperjuangkan oleh Perikatan terutama tentang kerakyatan *jus soli* secara bebas.⁷

Selain daripada isu-isu yang dibicarakan oleh parti-parti pembangkang dalam kempen mereka untuk menentang Perikatan, Parti Perikatan juga dilanda krisis dalaman partinya. Terdapat dua perkara yang membawa krisis dalaman Perikatan menjelang pilihanraya 1959 iaitu berkenaan dengan langkah Tengku

Abdul Rahman meletak jawatannya sebagai Perdana Menteri kerana semata-mata hendak menumpukan masa dan tenaga sepenuhnya kepada UMNO dan Perikatan untuk menghadapi pilhanraya 1959. Tindakan Tengku ini telah membawa beberapa tentangan daripada perwakilan negeri seperti Johor dengan alasan bahawa perletakan jawatan Tengku nanti akan memberi peluang kepada parti lawan menuduh Tengku dan UMNO lemah.⁸

Konflik kedua pula berlaku apabila Lim Chong Eu⁹ pemimpin MCA telah mengirim sepucuk surat kepada Perikatan dan Tengku bagi menuntut pertambahan kerusi yang diperuntukkan kepada MCA dalam pilihanraya umum 1959 iaitu berjumlah 40 kerusi daripada 104 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Alasannya ialah supaya MCA mempunyai hak bersuara yang lebih kuat dalam soal pindaan perlembagaan. Selain itu MCA juga meminta supaya pendidikan Cina dimasukkan dalam Manifesto Perikatan. Tengku telah menolak permintaan beliau dan menetapkan beberapa syarat untuk membolehkan MCA terus kekal dalam Perikatan iaitu Tengku meminta supaya MCA menarik balik semua tuntutan tersebut, membersihkan parti daripada para cauvinis tertentu dan beliau diberi kuasa untuk memilih sendiri semua calon MCA yang akan bertanding dalam pilihanraya Parlimen akan datang.¹⁰

Apabila Pilihanraya Umum 1959 diumumkan bagi negeri Melaka, Parti Perikatan telah memenangi 20 kerusi D.U.N dan tiga kerusi Parlimen. Keputusan pilihanraya D.U.N bagi negeri Melaka adalah seperti di bawah:

Kota Selatan

Liew Siat Yee (PS) 607 undi
Tan Kee Gak (PR) 1746 undi

	Gah Joon Hoe (Perikatan) 2001 undi
Kota Tengah	Goh Chee Yaan (Perikatan) 1268 undi Chung Cheng Wen (PS) 1000 undi Hashim b. Hj Abd Ghani (PR) 525 undi
Kota Barat	Siew Mun Fook (PR) 757 undi Teo Thiam Hock (PR) 529 undi Tamby Kadir b. Abu Bakar (BEBAS) 178 undi Goh Kay Seng (Perikatan) 1589 undi
Kota Utara	Karim Bakar (PS) 348 undi Tan Cheng Swee (Perikatan) 1645 undi Dossan Frank Christa (PR) 595 undi
Kota Timor	Lim Yeow Koon (Perikatan) 1394 undi Too Yeng Jong (P.S) 315 undi De Cruz John Leon (P.R) 1370 undi Ah Jiok (BEBAS) 60 undi
Tanjong Keling	Abdul Ghaffar Baba (Perikatan) 3247 undi Mohd Nor b. Noordin (PAS) 505 undi
Bukit Rambai	Hassan b. Mansor (Perikatan) 2295 undi Azhari b. Yusoff (PAS) 641 undi
Batu Berendam	Mohd b. H. Abdul Rahman (Perikatan) 2407 undi Hasnul b. Abdul Hadi (P.S) 1592 undi
Semabok	Bulat b. Mohamed (Perikatan) 2782 undi Othman b. Hujang (PAS) 1005 undi
Kandang	Tawy b. Hj Abd Hamid (Perikatan) 2847 undi Haji Md Nor b. Hj Hasan (PAS) 1138 undi
Sungai Bahru	Thamby Chik b. Abd Karim (Perikatan) 3067 undi H. Karim b. H. Dalib (PAS) 1854 undi
Ramuan China	Mohd Sudin b. Abd Rahman (Perikatan) 2146 undi Abd Karim b. Yusof (PAS) 1191 undi
Masjid Tanah	H. Hassan b. Ya'kub (Perikatan) 2510 undi Mohd Yusof b. Enjah (PAS) 899 undi
Alor Gajah	Haji Talib Karim (Perikatan) 3075 undi Naam b. Muid (PAS) 528 undi

Pulau Sebang	Yeow Kay (Perikatan) 2149 undi Law Heng Choi (P.S) 918 undi
Batang Melaka	H. Ab. Malek b. h. Nong (Perikatan) 2712 undi Mamat b. Bintong (P.S) 1801 undi
Rim	Tan Nai Kwi (Perikatan) 3536 undi H. Md Nor b. Hj.A. Latif (PAS) 661 undi
Jasin	Noordin B Sa'at (Perikatan) 3017 undi Abdul Latiff b. Idris (PAS) 879 undi
Serkam	Abdul b. Chudang (Perikatan) 2357 undi Mod Taha b. Kallu (PAS) 1163 undi
Sungai Rambai	Ibrahim b. Abdul Hamid (Perikatan) 2346 undi Othman b. Hussin (P.S) 1105 undi ¹¹

Berdasarkan keputusan pilihanraya ini, jelas Parti Perikatan telah menang kesemua 20 kerusi yang dipertandingkan. Manakala keputusan bagi kawasan Parlimen Melaka, Perikatan telah memenangi tiga kerusi daripada empat kerusi yang dipertandingkan. Keputusan bagi kawasan Perlimen Melaka adalah seperti berikut:

Bandar Melaka	Tan Kee Gak (P.R) 9396 undi Wong Koon Yoon (Perikatan) 8173 undi
Melaka Tengah	Tan Siew Sin (Perikatan) 13635 undi Hj Abd Majid b. Hj Husin (PAS) 4655 undi
Melaka Utara	Abd Ghani b. Ishak (Perikatan) 111078 undi Hj Karim b. Hj Dalib (PAS) 4461 undi Karim Bakar (P.S) 2872 undi
Melaka Selatan	Hassan b. Mansor (Perikatan) 11300 undi Chung Cheng Wen (P.S) 5812 undi Mohamed Taha b. Kallu (PAS) 3017 undi ¹²

Peratusan undi yang diperolehi oleh parti-parti yang bertanding di Melaka dalam pilihanraya 1959 ialah Perikatan memperolehi 67.0 peratus, PAS mendapat 14.4 peratus, Parti Sosialis 11.4 peratus, Parti Rakyat mendapat 6.9 peratus dan Parti BEBAS mendapat 0.32 peratus. Kemenangan Perikatan mendapat kedudukan majoriti dalam Majlis DUN dan Parlimen secara tidak langsung membolehkan Perikatan berjaya membentuk kerajaan di Melaka. Abdul Ghaffar Baba dari Parti Perikatan kemudiannya telah dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka yang pertama. Ini menunjukkan beliau sebagai ketua Parti Perikatan Melaka memenangi majoriti dalam pilihanraya tersebut.

Kejayaan Parti Perikatan memenangi 20 kerusi di kawasan DUN yang dipertandingkan di dalam pilihanraya pertama ini memperlihatkan beberapa kelemahan parti-parti pembangkang yang lain. Misalnya Parti PAS menghadapi masalah kewangan. Menurut Laporan Kewangan Mesyuarat Agung PAS Melaka pada 27 September 1958 memperlihatkan wang masuk dari yuran hanya RM83.¹³ Ini bermakna cuma 83 orang ahli dari 150 orang ahli pada masa itu yang menjelaskan yuran tahunan mereka. Kesulitan kewangan ini menyebabkan perjalanan PAS lemah dalam usaha untuk mengembangkan serta mempergiatkan aktiviti-aktiviti PAS. Di antara masalah lain pemimpin PAS ialah tidak mempunyai kebolehan memimpin parti, tidak berpendidikan tinggi dan sebagainya. Berbanding dengan pemimpin UMNO yang mempunyai kriteria tersebut serta mendapat sokongan rakyat.¹⁴ Kekalahan Parti Sosialis dalam pilihanraya dikatakan tidak dapat diterima dengan cara terhormat. Perkataan ‘sosialis’ yang diguna pakai oleh parti tersebut dianggap radikal dan sekali-sekala disamakan dengan komunis.


Tuduhan ini ditambah lagi dengan tuduhan dari UMNO bahawa Parti Komunis Malaya telah menyusup masuk ke dalam Parti Sosialis. Selain itu keupayaan Parti Sosialis untuk mendapat sokongan dari orang Melayu di luar bandar juga adalah tidak menggalakkan dan ini menyebabkan parti itu tidak berjaya mempengaruhi masyarakat Melayu di luar bandar untuk mengundi parti tersebut dalam pilihanraya.

Walaupun Perikatan Melaka mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pilihanraya 1959 namun jika dibandingkan dengan keputusan Parti Perikatan Pusat ternyata ianya telah mengalami kemerosotan. Kemerosotan Perikatan diperingkat pusat berpunca daripada kemerosotan undi yang diperolehi daripada calon-calon MCA. Permulaan kemerosotan sokongan pengundi-pengundi Cina kepada MCA dan pengaruh politiknya dilihat pada bulan Disember 1956 apabila MCA menerima kekalahan pertama apabila Parti Buruh berjaya menguasai Municipal di Pulau Pinang. Kemerosotan pengaruh MCA juga disebabkan oleh perpecahan dalam Parti MCA yang terdapat golongan sederhana, ekstrem dan campuran kedua-dua unsur terawal. Kegagalan MCA menegakkan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi negara dan sekolah Cina sebagai sekolah kebangsaan telah menyebabkan muncul beberapa kumpulan menentang MCA. Kumpulan ini ialah United Chinese Teacher Association (UCSTA) dan All Malaya Chinese School Management Association (AMCSMA).

Sokongan dua organisasi pendidikan Cina ini menggalakkan Lim Chong Eu membuat tuntutan yang lebih tegas bagi kepentingan masyarakat Cina dalam soal bahasa dan sekolah Cina.¹⁵ Apabila tuntutan beliau untuk menambah kerusi MCA dalam pilihanraya 1959 gagal, ianya telah mengecewakan orang-orang Cina dan

telah menyalahkan MCA. Apabila keputusan pilihanraya 1959 diumumkan MCA hanya memenangi 19 kerusi daripada 31 kerusi yang diperuntukkan. Ini menunjukkan pengaruh MCA kian merosot. Ini telah menyebabkan Lim Chong Eu meletak jawatan sebagai pemimpin MCA dan tempatnya digantikan oleh Tan Siew Sin.¹⁶

Peta 3.1: Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Melaka tahun 1964 dan 1969.



Sumber: Malaysia, 1972. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak tahun 1969*, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, Lampiran A.

Pilihanraya Umum 1964

Pilihanraya kedua bagi Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan pada tahun 1964. Pilihanraya pada kali ini diadakan serentak di seluruh Tanah Melayu. Hari penamaan calon telah berlangsung pada 21 Mac 1964 dan hari untuk mengundi kedua-dua pilihanraya Parlimen dan Negeri telah diadakan serentak pada 25 April 1964.

Dalam pilihanraya ini, Melaka masih mengekalkan 20 kawasan pertandingan seperti Tanjong Keling, Bukit Rambai, Batu Berendam, Semabok, Kandang, Kota Selatan, Kota Tengah, Kota Barat, Kota Utara, Kota Timor, Sungai Bahru, Ramuan China, Masjid Tanah, Alor Gajah, Pulau Sebang, Batang Melaka, Rim, Jasin, Serkam dan Sungai Rambai. Dalam pilihanraya ini beberapa orang calon Perikatan kekal bertanding di kawasan lama tetapi terdapat juga beberapa calon lain yang berubah kawasan pertandingan. Misalnya Abdul Ghaffar Baba kekal bertanding di Tanjong Keling, Hassan b. Mansor di Bukit Rambai, Mohd b. Hj Abdul Rahman di Batu Berendam, Hj Hasan b. Hj Yaakub di Masjid Tanah Hj Talib b. Karim di Alor Gajah, Yeow Kay di Pulau Sebang, Tan Nai Kwi di Rim, Noordin b. Saad di Jasin dan Ibrahim b. Abdul Hamid di Sungai Rambai. Manakala calon Perikatan yang berubah kawasan pertandingan antaranya seperti Hashim b. Pit di Semabok, Abd Hadi b. Abas di sungai Baru, Abd. Ghani b. Ali di Ramuan China dan Hj Ahmad b. Hj Joned di Batang Melaka.

Dalam pilihanraya 1964, isu pilihanraya yang utama ialah konfrontasi Indonesia terhadap penubuhan Malaysia dan pemberontakan di Brunei menuntut

Sabah dikembalikan kepada Kesultanan Sulu. Ini kerana pada 27 Mei 1961, Tengku Abdul Rahman telah membuat cadangan untuk menubuhkan Persekutuan Malaysia yang mengandungi Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Borneo Utara dan Brunei.¹⁷ Brunei akhirnya memutuskan tidak akan memasuki Malaysia atas sebab kewangan dan taraf Sultan Brunei jika ianya menyertai Malaysia yang dibuat pada 8 Februari 1963.¹⁸ Konfrontasi Indonesia semenjak Disember 1962 yang diketuai oleh Presiden Soekarno telah melancarkan kempen ‘ganyang Malaysia’ dan memburuk-burukkan peribadi Tengku Abdul Rahman sebagai perancang pembentukan Malaysia itu.¹⁹ Keadaan ini telah menyebabkan keamanan Tanah Melayu terganggu kerana kerajaan Indonesia dan Filipina hanya bersetuju jika diadakan satu suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Cobbold untuk mendapatkan suara rakyat Sabah dan Sarawak mengenai penyertaan mereka di dalam Persekutuan Malaysia. Daripada tinjauan ini terbukti kedua-dua rakyat wilayah itu bersetuju menyertai Malaysia. Dengan itu penubuhan Malaysia telah diisytiharkan pada 16 September 1963 yang mana mengandungi 14 buah negeri iaitu 11 buah negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.²⁰

Parti Perikatan telah menggunakan kebijaksanaan dan kejayaannya menubuhkan Malaysia di dalam kempen-kempen pilihanraya untuk mendapat undi dari orang ramai. Selain itu United Democratic Party (UDP) dan PPP turut menyokong usaha menentang konfrontasi. Menjelang pilihanraya satu krisis dikalangan ahli UMNO telah timbul berhubung dengan pemilihan calon. Ini berpunca dari perebutan untuk menjadi calon di sesetengah Bahagian dan Cawangan. Calon-calon yang tidak dipilih memberontak menentang parti dan ada

yang menjadi calon bebas bertanding melawan calon-calon Perikatan. Keadaan ini berjaya diselesaikan apabila Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO mengambil tindakan tegas dengan menyingkirkan mereka yang terlibat daripada Parti UMNO.²¹

Pilihanraya di Melaka memperlihatkan Perikatan terpaksa menghadapi musuh tradisinya seperti tahun 1959 seperti Parti PAS, Parti Sosialis dan Parti Tindakan Rakyat. Perikatan telah menempatkan semua calonnya di semua kawasan pertandingan. PAS pula telah menghantar 12 orang calonnya untuk bertanding di Tanjung Keling (Muhammad Nor b. Nordin), Bukit Rambai (Abd Manan b. Ismail), Batu Berendam (Sayid Abdoellah b. Ahmad Alai Droles), Semabok (Mohd Kamal b. Sudin), Kandang (Hj Mohd Yusoff b. Hj Sulong), Sungai Bahru (Hussain b. Hassan), Ramuan China (Ab. Latiff b. Md Yassin), Masjid Tanah (Abdul Rahman b. Hassan), Alor Gajah (Hj Mohammad Ali b. Hashim), Serkam (Haji Mohd Taha b. Kallu) dan Sungai Rambai (Ali b. Hj Omar).

Manakala Parti Sosialis pula telah menghantar 20 calon di kesemua kawasan. Ini menunjukkan Parti Sosialis bersungguh-sungguh untuk mencabar Perikatan dalam pilihanraya 1964. Parti Tindakan Rakyat pula hanya bertanding di empat kawasan iaitu kawasan bandar sahaja iaitu Kota Selatan, Kota Tengah, Kota Barat dan Kota Timur. Manakala Parti BEBAS hanya menghantar seorang calon di kawasan Kota Timur bernama L.F D'Silva.

Keputusan pilihanraya 1964 yang diperolehi oleh Parti Perikatan merosot sedikit berbanding dengan pilihanraya yang pertama. Perikatan Melaka tidak dapat mempertahankan kerusi sepenuhnya. Dua buah kerusi DUN Melaka telah

dimenangi oleh Parti Sosialis di Kota Selatan dan Kota Tengah. Dalam pilihanraya 1959, Parti Sosialis hanya mendapat 607 undi sahaja di bahagian Kota Selatan tetapi bilangan undi yang diperolehi dalam pilihanraya 1964 ini adalah lebih memerlukan. Ini berlaku apabila calon parti tersebut memenangi 3350 undi di kawasan yang sama mengalahkan calon Perikatan yang hanya mendapat 3042 undi. Calon itu bernama Koh Kay Cham menentang Ng Chear Chim (PTR) dan Ng Chong Chee (Perikatan). Di kawasan Kota Tengah juga dikuasai oleh Parti Sosialis sebanyak 2310 undi mengalahkan calon Perikatan 2116 undi dan PTR dengan 364 undi. Di 18 kawasan lain Parti Perikatan masih kekal menduduki DUN. Kawasan pilihanraya DUN bagi negeri Melaka pada tahun 1964 adalah seperti di bawah:

Tanjong Keling	Abd Ghaffar Baba (Perikatan) 3834 undi Manap b. Mohd (PS) 649 undi Muhammad Nor b. Noordin (PAS) 342 undi
Bukit Rambai	Hassan b. Mansor (Perikatan) 3194 undi Syed Tahir b. Jaafar (PS) 1217 undi Ab. Manan b. Ismail (PAS) 94 undi
Batu Berendam	Mohd b. Hj Ab. Rahman (Perikatan) 3371 undi Thamby b. Hassan (PS) 1672 undi Sayid Abdoellah b. Ahmad Alai Droes (PAS) 228
Semabok	Hashim b. Pit (Perikatan) 3654 undi Khalid b Tabob (PS) 1180 undi Mohd Kamal b. Sudin (PAS) 290 undi
Kandang	Abd Hadi b. Abas (Perikatan) 4167 undi Ab Aziz b. Rahmat (PS) 525 undi Hj Mohd Yusoff b. Haji Sulong (PAS) 347 undi
Kota Selatan	Koh Kay Cham (PS) 3350 undi Ng Chear Chim (PAP) 1091 undi Ng Chong Chee (Perikatan) 3042 undi

Kota Tengah	Chung Cheng Wen (PS) 2310 undi Tan Choo Chai (Perikatan) 2116 undi Yeow Ker Yan (Perikatan) 364 undi
Kota Barat	Yoong Yong Pow (Perikatan) 2957 undi Hasnal b. Abdul Hadi (PS) 1706 undi Chua Sian Chin (PAP) 470 undi
Kota Utara	Tan Cheng Swee (Perikatan) 3175 undi Mah Khye Boh (PS) 1428 undi
Kota Timor	L.F D'Silva (BABAS) 2734 undi J.L D'Cruz (Perikatan) 2297 undi Koo Eng Kuang (PS) 741 undi
Sungai Bahru	Thamby Chik b. Abd. Karim (Perikatan) 4254 undi Hussain b. Hassan (PAS) 562 undi Hj Mohamed Din b. Daud (PS) 1089 undi
Ramuan China	A. Ghani b. Ali (Perikatan) 2826 undi Ab. Latiff b. Md Yassin (PAS) 553 undi Ab Rahim b. Hj Basir (PS) 875 undi
Masjid Tanah	Hj Hassan b. Hj Yaakub (Perikatan) 3448 undi Abdul Rahman b. Hassan (PAS) 915 undi Mohd Yusoff b. Ishak (PS) 405 undi
Alor Gajah	Haji Talib b. Karim (Perikatan) 3268 undi Mohd Jan b. Dolmat (PS) 804 undi Haji Mohamed Ali b. Hashim (PAS) 450 undi
Pulau Sebang	Yeow Kay (Perikatan) 2784 undi Abdul Manaf b. Sidin (PS) 1257 undi Abdullah b. Ismail (PAS) 219 undi
Batang Melaka	Hj Ahmad b. Hj Joned (Perikatan) 4351 undi Hong Wee Ju (PS) 2321 undi
Rim	Tan Nai Kwi (Perikatan) 4007 undi Too Yeng Jong (PS) 1389 undi
Jasin	Noordin b. Sa'ad (Perikatan) 3845 undi Embi b. Long (PS) 1418 undi
Serkam	Ab Ghani b. Hj Ahmad (Perikatan) 2880 undi Haji Mohd Taha b. Kallu (PAS) 1257 undi

Abdullah b. Mat Amin (PS) 310 undi

Sungai Rambai

Ibrahim b. A. Hamid (Perikatan) 2880 undi

Omar b. Abdullah (PS) 1219 undi

Ali b. Omar (PAS) 159 undi²²

Kejayaan Parti Sosialis memenangi dua kerusi di kawasan Kota Selatan dan Kota Tengah adalah disebabkan oleh beberapa perkara seperti kedua-dua kawasan ini merupakan yang dihuni oleh majoriti orang-orang Cina yang berpendidikan. Mereka lebih gemar menyokong Parti Sosialis ini kerana memandangkan kelemahan MCA yang berada di dalam Perikatan tidak berjaya memperolehi tuntutan mereka dalam soal bahasa dan pendidikan bagi orang Cina. Hal ini telah menyebabkan mereka beralih arah mengundi parti pembangkang yang turut meletakkan bangsa Cina sebagai calonnya.

Walaupun Parti Perikatan Melaka tidak berjaya menduduki 20 kawasan pertandingan tetapi Perikatan telah berjaya mengekalkan semua kawasan bagi kerusi Parlimen. Bagi kawasan Melaka Tengah, Tan Siew Sin (Perikatan) berjaya mendapat undi sebanyak 18568 undi mengalahkan Mohd Kamal b. Sudin dari Parti PAS dengan undi 1236 undi dan calon PS iaitu Hasnol b. Abdul Hadi sebanyak 5241 undi.

Di bandar Melaka juga Perikatan masih lagi mengekalkan kerusi Parlimennya apabila Tan Kee Gak mendapat 13789 undi mengalahkan calon PTR (Chua Sian Chin , 3461 undi) dan Parti Sosialis (Yeoh Ho Huat, 10658 undi). Kerusi Parlimen Melaka Utara dipertahankan oleh calon Perikatan Abdul Ghani Ishak yang mendapat 16892 undi dengan mengalahkan Dr Sulaiman b. Mohd Attas

dari PS dengan 4429 undi dan Hj Mohd Yusoff b. Hj Sulong dari Parti PAS dengan 2523 undi.

Bagi Parlimen di Melaka Selatan pula, Calon Perikatan iaitu Abdul Karim b. Abu telah mendapat undi sebanyak 18649 undi mengalahkan Jaafar b. Mohd Tan dari Parti Sosialis dengan 7150 undi. Dalam pilihanraya ini, peratusan undi yang diperolehi Parti Perikatan dalam DUN ialah 65.2 peratus diikuti oleh PS mendapat 26.8 peratus, parti PAS mendapat 5.3 peratus, PTR mendapat 2.6 peratus dan Parti BEBAS mendapat 0.1 peratus. Pilihanraya Parlimen pula, Perikatan membolot 66.2 peratus diikuti oleh PS sebanyak 26.8 peratus, Parti PAS mendapat 3.7 peratus dan PTR mendapat 3.4 peratus. Dalam pilihanraya 1964 ini, Perikatan Melaka sekali lagi berjaya menduduki kerajaan setelah memperolehi 2/3 majoriti dalam pilihanraya.

Ghaffar Baba yang telah memenangi kerusi DUN Tanjung Keling sebanyak 3834 undi mengalahkan calon PAS iaitu Mohd Nor b. Noordin sebanyak 342 undi dan Manap b. Mohd dari PS 342 undi telah diberi mandat sekali lagi untuk menerajui pemerintahan Melaka. Pada 6 Oktober 1967, Ghaffar telah meninggalkan jawatan Ketua Menteri setelah sembilan tahun menyandang jawatan tersebut. Beliau telah menerima tawaran Tengku Abdul Rahman untuk memimpin Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menjadi agensi utama kerajaan bagi membantu bumiputera dalam bidang ekonomi.²³ Tempat beliau telah diambil alih oleh Hj Talib Karim untuk meneruskan usaha-usaha yang telah dibuat oleh Ghaffar Baba serta pembangunan yang lebih baik untuk kemajuan negeri Melaka.

Walaupun Ghaffar telah menjadi pengurus MARA namun beliau masih lagi menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka.

Pilihanraya Umum 1969

Pilihanraya 1969 merupakan pilihanraya umum yang ketiga bagi Malaysia. Jangka masa tahun 1964 hingga 1969 telah memperlihatkan beberapa perkembangan yang akhirnya menjadi isu-isu penting bagi perkembangan politik menjelang pilihanraya 1969. Dalam pilihanraya ini, isu perkauman mengatasi lain-lain isu. Democratic Action Party (DAP)²⁴ melalui Deklarasi Setapak pada 29 Julai 1967²⁵ telah melaungkan konsep *Malaysian Malaysia*²⁶ yang bertujuan untuk menghapuskan hak-hak istimewa kaum bumiputera seperti yang dipersetujui dan termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Isu yang diperjuangkan oleh Parti DAP ini telah disokong dan diterima pakai oleh Parti PPP pimpinan Dr Seenivasagam di Lembah Kinta, Perak.²⁷

Pada tahun 1967, kerajaan telah meluluskan Akta Bahasa 1967 yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal selepas September 1967. Menurut Akta tersebut walaupun bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal, tetapi bahasa-bahasa lain seperti bahasa Cina, Tamil dan Inggeris akan diteruskan dan dipelajari di sekolah-sekolah. Akta ini telah ditentang oleh PAS kerana akta tersebut masih memberi ruang kepada penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Parti PAS hanya mengiktiraf bahasa Melayu sahaja sebagai bahasa tunggal negeri ini.²⁸

Bagi pihak Parti DAP dan PPP, parti tersebut memperjuangkan pelbagai bahasa dan menuntut bahasa Cina dan Tamil dijadikan sebagai salah satu dijadikan sebagai salah satu bahasa rasmi. Parti DAP, PPP dan GERAKAN menuduh MCA dan MIC tidak mempertahankan bahasa kaum masing-masing. Ini terbukti dalam kontroversi mengenai cadangan untuk menubuhkan Universiti Merdeka yang akan menggunakan bahasa Cina sepenuhnya, MCA telah menolak cadangan tersebut kerana bimbang akan tindak balas orang Melayu. Masyarakat Cina menganggap MCA mengkhianati mereka dan isu ini telah menjadi isu kempen yang menjatuhkan maruah MCA.²⁹

Parti PAS pula menuduh Perikatan yang ditunjangi oleh UMNO telah mengkhianati bangsa Melayu. Walau bagaimanapun pemimpin-pemimpin Perikatan seperti Tengku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambanthan telah mempertahankan konsep tolak ansur untuk memelihara perpaduan di samping terus meningkatkan pencapaian ekonomi bagi pembangunan negara.

Ekoran daripada timbulnya isu-isu yang hangat dan sensitif, telah wujud perasaan yang bimbang di antara kaum terutama orang-orang Melayu yang masih lemah dalam ekonomi merasakan hak-hak mereka akan tergugat. Bagi kaum bukan Melayu, tuntutan PAS yang membangkitkan isu kewarganegaraan mencemaskan kedudukan mereka sebagai warganegara di negeri ini. Dalam keadaan yang genting ini Perikatan ditentang hebat di semua kawasan pertandingan pilihanraya. PS sebagai gabungan Parti Buruh dan Parti Rakyat telah berpecah dan Parti Buruh

telah memulaukan pilihanraya tersebut. Parti Rakyat pula turut bertanding dalam beberapa kawasan secara bersendirian.

Dalam satu persetujuan tiga penjuru yang diadakan pada Februari 1969 oleh parti Pembangkang seperti PPP, GERAKAN dan DAP telah membahagi-bahagikan kawasan pilihanraya berdasarkan populariti parti tersebut. Ini bagi memastikan tidak berlaku persaingan kuasa antara mereka di sesebuah bahagian pilihanraya. Dalam pakatan ini kebanyakan kawasan di Pulau Pinang diserahkan kepada GERAKAN, kawasan-kawasan Selangor dibahagikan antara GERAKAN dan DAP. Manakala Negeri Sembilan, Johor dan Melaka diserahkan kepada DAP, PPP pula berpusat di Perak.³⁰

Bagi pilihanraya 1969 di Melaka, hari penamaan calon telah berlangsung pada 24 Mac 1969 dan hari pembuangan undi pada 10 Mei 1969. Di Melaka, pilihanraya 1969 memperlihatkan Perikatan terpaksa menghadapi musuh politiknya seperti PAS, Parti Rakyat, DAP dan GERAKAN.

Parti Perikatan telah menempatkan semua calonnya di 20 buah kawasan yang dipertandingkan. Semasa hari penamaan calon, Perikatan telah memenangi satu kerusi DUN tanpa bertanding di Pulau Sebang oleh calon MCA bernama Yeow Kay. Parti PAS telah menghantar 14 calonnya untuk bertanding di Tanjong Keling, Bukit Rambai, Batu Berendam, Semabok, Kandang, Sungai Bahru, Ramuan Cina, Masjid Tanah, Alor Gajah, Batang Melaka, Rim, Jasin, Serkam dan Sungai Rambai. Parti GERAKAN hanya meletakkan calonnya di kawasan Kota Selatan, Parti DAP pula meletakkan calonnya di lima kawasan bandar seperti Kota Tengah, Kota Barat, Kota Utara, Kota Timur dan Bukit Rambai. Manakala Parti

Rakyat menempatkan 16 calonnya di 16 kawasan dan calon Parti BEBAS hanya meletakkan tiga calonnya sahaja iaitu di kawasan Ramuan China, Rim dan Semabok. Di bawah ini disediakan keputusan pilihanraya negeri Melaka tahun 1969.

Tanjong Keling	Haji Ahmad b. Hj Manap (Perikatan) 2779 undi Mohd Nor b. Noordin (PAS) 1536 undi Hj Md Zain b. Lambak (PR) 803 undi
Bukit Rambai	Lim Yak Tye (DAP) 1578 undi Haji Ayub b. Hj Marof (Perikatan) 1465 undi Haron b. Ali (PAS) 883 undi He Mat b. Bakar (PR) 671 undi
Batu Berendam	Mohd b. Hj Abdul Rahman (Perikatan) 2441 undi Bong Geok Cheng (PR) 2139 undi Hj Md Said b. Abu Bakar (PAS) 673 undi
Semabok	Ng Chong Chee (Perikatan) 2779 undi Mohd Lani b. Kasim (PR) 1482 undi Abdul Jalil b. Hj Ahmad (PAS) 453 undi Hj. Borhan b. hj Saban (BEBAS) 597 undi
Kandang	Ab Hadi b. Abas (Perikatan) 3293 undi Mohd Taha b. Kallu (PAS) 1759 undi Sidek b. Ahmad (PR) 414 undi
Kota Selatan	Tan Giap Seng (GERAKAN) 4591 undi Wee Choon Teck (Perikatan) 1490 undi Mah Khye Boh (PR) 745 undi
Kota Tengah	Michael Khong Chye Huat (DAP) 2881 undi Lee Kim Sun (Perikatan) 1454 undi Low Kye Yew (PR) 1007 undi
Kota Barat	Ho Mong Yew (DAP) 2065 undi Hasnul b. Hadi (PR) 1651 undi Yoong Yong Pow (Perikatan) 1642 undi
Kota Utara	Tan Cheng Swee(Perikatan) 2611 undi Tay Chor (DAP) 2247 undi Abbas Hj Jalil (PR) 750 undi

Kota Timur	Bernard Sta Maria (DAP) 4394 undi Chunilal Seth (Perikatan) 1761 undi Eric Theseira (PR) 774 undi
Sungai Bahru	Abdullah b. Samad (Perikatan) 4029 undi Ali b. Md Salleh (PAS) 1976 undi
Ramuan China	Abd Ghani b. Mohd Ali (Perikatan) 2166 undi Ab Ghani b. Long (BEBAS) 727 undi Ab Rahim b Haji Basir (PR) 725 undi Ab Latiff b. Md Yassin (PAS) 596 undi
Masjid Tanah	Abd. Ghani b. Ishak (Perikatan) 2850 undi Hj Mohd Yusoff b. Hj Sulong (PAS) 1856 undi
Alor Gajah	Hj Talib b. Hj Karim (Perikatan) 3079 undi Mohd Yasin b. Said (PAS) 1549 undi
Pulau Sebang	Yeow Kay (Perikatan) Menang tanpa bertanding
Batang Melaka	Hj Ahmad b. Hj Joned (Perikatan) 4037 undi Mamat b. Bentong (PR) 1736 undi Abdullah b. Taib (PAS) 1271 undi
Rim	Mohamed Juddi Abdullah (Perikatan) 3127 Alias b. Sijak (PAS) 1180 undi Minhad b. Maludin (PR) 728 undi Gan Hong Hui (BEBAS) 553 undi
Jasin	Tan Nai Kwi (Perikatan) 3451 undi Embi b. Long (PR) 1160 undi Mohd Ali b. Mohd Akip (PAS) 1140 undi
Serkam	Hussain b. Hj Yahya (Perikatan) 2804 undi Haji Abdul Rahim b. Baba (PAS) 1737 undi Mohd Salleh b. Mohamad (PR) 1405 undi
Sungai Rambai	Hj Ahmad Dahlan b. Hj Salleh (Perikatan) 2522 Omar b. Abdullah (PR) 1405 undi Jantan b. Leman (PAS) 727 undi ³¹

Keputusan pilihanraya 1969 yang diperolehi oleh Parti Perikatan Melaka agak merosot berbanding dengan pilihanraya 1964. Ini kerana lima buah kerusi

DUN Melaka telah dimenangi oleh empat calon DAP yang memenangi kawasan bandar iaitu Bukit Rambai (Lim Yak Tye) mendapat undian sebanyak 1578 mengalahkan calon Perikatan (Hj Ayub b. Hj Marof) dengan 1465 undi dan calon PAS (Haron b. Ali) dengan undi 883. Di kawasan Melaka Tengah turut didahului oleh calon DAP sebanyak 2881 undi dan memintas calon Perikatan dengan undi 1454 dan calon PR 1007 undi. Di kawasan Kota Barat, DAP berjaya mengatas undi calon Perikatan sebanyak 2065 dengan 1642 undi. Begitu juga kejayaan yang begitu hebat apabila calon DAP berjaya mendapat kutipan undi yang besar iaitu sebanyak 4394 undi di kawasan Kota Timur dengan mengalahkan calon Perikatan sebanyak 1761 undi. Selain itu apa yang lebih mengejutkan lagi apabila parti politik yang baru pertama kali bertanding dalam pilihanraya 1969 di Melaka iaitu Parti GERAKAN telah berjaya menduduki kawasan Kota Selatan (Tan Giap Seng) dengan undi sebanyak 4591 undi. Calon Parti GERAKAN telah mengalahkan calon Parti Perikatan (Wee Choon Teck) dengan undi 1490 undi.

Pada keseluruhannya undi Parti Perikatan Melaka dalam pilihanraya ini adalah merosot di setiap kawasan berbanding dengan jumlah undi yang diperolehi dalam pilihanraya 1964. Perikatan juga tidak dapat mengekalkan empat kerusi kepunyaannya di kawasan Parlimen seperti pilihanraya lalu yang mana DAP telah berjaya menduduki Parlimen Bandar Melaka dengan calonnya Lim Kit Siang³² yang mendapat undi terbanyak iaitu 18562 mengalahkan calon Perikatan (Koh Kim Leng, 7346 undi) dan PR (Hasnul b. Abdul Hadi, 4621 undi).

Di bahagian Melaka Tengah, calon Perikatan iaitu Tan Siew Sin (Tun) masih kekal menduduki bahagian itu manakala Melaka Utara, Abdul Ghaffar Baba

dari Perikatan mendapat undi 15692 berjaya mengalahkan calon PAS bernama Ali b. Mohd Salleh dengan undi 8881. Di Parlimen Melaka Selatan juga Perikatan masih gagah mempertahankan kerusi Parlimen dengan calon Ahmad b. Ithnin yang mendapat undi 14766 yang bertanding dengan calon PAS (Mohamad Taha b. Kallu, 5482 undi), calon BEBAS (Gan Hong Hai, 2655 undi) dan calon PR (Omar b. Abdullah, 1325 undi).

Peratusan undi yang diperolehi Parti Perikatan dalam pilihanraya DUN 1969 bagi negeri Melaka ialah Parti Perikatan mendapat 48.1 peratus sahaja. Ia turun sebanyak 17.1 peratus daripada pilihanraya 1964 yang ketika itu memperolehi 65.2 peratus. Manakala PAS pula meningkat kepada 17.0 peratus daripada 5.3 peratus dalam pilihanraya 1964, PR mendapat 16.0 peratus, DAP mendapat 12.7 peratus, GERAKAN mendapat 4.4 peratus walaupun pertama kali bertanding dalam pilihanraya dan Parti BEBAS memperolehi 1.8 peratus.

Peratusan pilihanraya Parlimen juga menunjukkan Parti Perikatan menghadapi kemerosotan dengan hanya mendapat 48.8 peratus berbeza dengan keputusan pilihanraya yang lalu sebanyak 66.2 peratus. Manakala PR mendapat 11.7 peratus manakala PAS mendapat 11.0 peratus, DAP mendapat 10.0 peratus dan BEBAS mendapat 2.5 peratus.³³

Terdapat beberapa sebab yang membawa kepada kemerosotan keputusan pilihanraya 1969 bagi Perikatan berbanding dengan pilihanraya-pilihanraya yang lalu. Pertama disebabkan oleh persefakatan parti-parti pembangkang seperti DAP, GERAKAN dan PPP dalam membahagi-bahagikan kawasan pilihanraya. Ini

adalah satu cara parti pembangkang memecah belahkan undian parti calon-calon MCA di kawasan tersebut.³⁴

Kedua dengan matlamat untuk mengalahkan Parti Perikatan, DAP turut meletakkan calon-calonnya di beberapa kawasan majoriti Melayu untuk memecahkan sokongan orang Cina terhadap Perikatan. Begitu juga dengan Parti PAS yang mana parti tersebut telah meletakkan calonnya di beberapa kawasan yang majoriti pengundi bukan Melayu dengan tujuan yang sama.

Selain itu parti pembangkang turut memainkan isu bahasa dan pendidikan menyebabkan berlakunya ketidakpuasan hati kepada orang Melayu dan orang bukan Melayu. Misalnya PAS menentang Akta Bahasa 1967 yang turut membenarkan bahasa Cina, Tamil dan Inggeris terus dipelajari di sekolah-sekolah. Mereka menuduh UMNO gagal untuk menjaga hak orang Melayu seperti tolak ansur dalam isu bahasa ini selain gagal menyediakan pembangunan-pembangunan di Melaka. Manakala DAP pula memainkan isu Universiti Merdeka yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantarnya.

Kebanyakan kawasan DUN dan Parlimen yang dimenangi oleh parti pembangkang adalah merupakan kawasan bandar yang mempunyai penduduk majoriti Cina yang berpendidikan baik. Mereka lebih rela menyokong pembangkang kerana merasa tidak percaya dan melihat parti MCA begitu lemah kerana berada di bawah penguasaan Perikatan sehingga tidak mampu mempertahankan dan menunaikan permintaan mereka terutama dalam soal bahasa dan pendidikan.


✓ Manakala kejayaan parti pembangkang memainkan isu perkauman juga telah menyebabkan mereka berjaya menguasai beberapa negeri seperti GERAKAN di Pulau Pinang, PAS di Kelantan dan DAP hampir-hampir menaklui Selangor dan Negeri Sembilan.³⁵

Parti DAP pula dikatakan lebih merupakan sebuah parti kaum Cina daripada MCA yang sering mengaku dirinya adalah sebuah parti politik untuk memperjuangkan kepentingan kaum Cina. Oleh kerana MCA adalah salah satu anggota Perikatan, ia tidak begitu bebas bersuara seperti DAP untuk mempertahankan kepentingan kaum Cina di negeri ini.³⁶

Walau bagaimanapun, Perikatan Melaka tidak dapat menjalankan tugasnya kerana berlaku penggantungan demokrasi berparlimen dan bermulanya pemerintahan Majlis Tindakan Rakyat (MAGIERAN) berikutan kejadian 13 Mei 1969.³⁷ Ini menyebabkan pembekuan gerakan-gerakan parti-parti politik di dalam negeri termsuk UMNO. Dengan ketiadaan Parlimen dan DUN seluruh jentera UMNO Melaka tidak dapat bergerak terus dalam politik. Insiden ini adalah satu detik hitam dalam sejarah Malaysia dan merupakan kemuncak kekuatan politik perkauman di negeri ini.

Pemerintahan berparlimen dipulihkan pada 30 Ogos 1970 dan mulai 31 Ogos parti politik boleh bergerak bebas semula dan parlimen akan bersidang semula pada bulan Februari 1971 tahun berikutnya. Kesan daripada peristiwa 13 Mei ini beberapa perkara tertentu diharamkan di bawah Ordinan Darurat No. 45 tahun 1970 seperti yang terkandung dalam peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

Peta 3.2: Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Melaka tahun 1974, 1978 dan 1982



Sumber: 1983. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri kecuali Kelantan, Sabah dan Sarawak 1982*, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, Lampiran B

Pilihanraya Umum 1974

Selepas peristiwa 13 Mei yang meninggalkan kesan yang mendalam terhadap keadaan politik Malaysia, para pemimpin politik mula memikirkan cara yang terbaik bagi mengatasi masalah perkauman. Hasilnya Tun Abdul Razak³⁸ telah dapat memperluaskan pembentukan kerajaan campuran dibeberapa buah negeri seperti di Sarawak antara SUPP Sarawak (Sarawak United People's Party) dan Perikatan pada 7 Julai 1970, GERAKAN daan Perikatan Pulau Pinang pada Februari 1972, PPP dan Perikatan di Perak pada 1 Mei 1972 dan PAS dengan Perikatan di Kelantan pada 28 Disember 1978.³⁹ Konsep kerajaan campuran ini menjadi asas penubuhan Barisan Nasional (BN)

Tun Razak dan Perikatan terutamanya UMNO menganggap kerajaan campuran ini sebagai strategi penting kerajaan dalam usaha mengurangkan ‘main politik’ untuk mencapai perpaduan orang Melayu dan mengembangkan seluru tenaga untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Dengan perjanjian kerajaan campuran ini maka terhapuslah ancaman PAS, SUPP, PPP dan GERAKAN untuk merebut kuasa daripada UMNO serta dapat menyekat pergerakan parti-parti politik ini yang semakin berbahaya dibeberapa buah negeri di Pantai Barat dan Kelantan.

Menjelang awal tahun 1974, beberapa siri rundingan telah diadakan antara parti-parti tersebut di dalam kerajaan campuran yang telah dibentuk sejak tahun 1970. Pada April 1974, Tun Razak telah menyatakan konsep BN akan menjadi realiti menjelang tahun 1974. Menurut Tun Razak, BN ialah sebuah organisasi rasmi yang akan mewujudkan sebuah kerajaan campuran yang berkekalan.

Lambang Perikatan iaitu kapal layar⁴⁰ dan lambang parti-parti terlibat dalam kerajaan campuran tidak akan digunakan lagi dalam pilihanraya 1974. Sebaliknya lambang neraca digunakan sebagai lambing BN.

Antara parti-parti yang menyertai BN ialah UMNO, MCA, MIC, PAS, GERAKAN, PPP, Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), SUPP dan Perikatan Sabah. Kerajaan UMNO pimpinan Tun Razak memperluaskan kerajaan di peringkat pusat dan negeri-negeri. Sistem permuaafakatan di peringkat pusat dan negeri memberi peluang kepada parti-parti komponen untuk terus terlibat dalam proses pentadbiran negara.

Hari penamaan calon bagi pilihanraya 1974 ialah pada 8 Ogos dan tarikh pengundian pada 24 Ogos 1974.⁴¹ Pilihanraya kali ini merupakan satu pungutan suara bagi menentukan sokongan rakyat terhadap kepimpinan BN pimpinan Tun Razak. Apabila Akta Hasutan Negara dilaksanakan, kempen pilihanraya pada kali ini hanya dipusatkan pada keperibadian calon-calon dan ekonomi negara terutama inflasi dan perlaksanaan DEB. BN berkempen berdasarkan enam isu asas iaitu perpaduan, ekonomi dan luar negeri, agama dan perkhidmatan sosial.

Dalam kempen pilihanraya, DAP yang bersungguh-sungguh ingin menghancurkan BN, mengatakan bahawa susunan ini lebih merupakan penyerahan politik secara mutlak daripada penyesuaian politik dan menuduh kerajaan sedang berusaha untuk menuahkan sebuah negeri yang dikuasai hanya satu parti. Parti PEKEMAS pula menekankan pendirian parti tentang prinsip sosialisme bercorak demokrasi, berjanji akan memberi pendidikan rendah dan percuma kepada semua dan sebagainya. Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) turut berkempen dengan

menjanjikan perhubungan yang lebih baik bagi para petani luar bandar melalui langkah-langkah bercorak sosialis yang akan dijalankan secara besar-besaran.⁴² Manakala BN pula mengkritik PSRM yang tidak sanggup memerintah negara kerana mereka hanya meletakkan calon yang tidak sampai kepada bilangan memerintah. Oleh kerana mereka tidak dapat membentuk kerajaan, mereka berani membuat janji palsu kepada rakyat. Selain itu Abdul Ghaffar turut menyelar calon bebas yang keluar dari UMNO adalah semata-mata ingin memecah belah perpaduan orang Melayu.⁴³

Pilihanraya di Melaka tahun 1974 memperlihatkan pembentukan kerajaan campuran di antara PAS-GERAKAN-UMNO-MCA-MIC. Parti BN meletakkan semua calonnya pada 20 kawasan. Kawasan DUN seperti di Taboh Naning, Sungai Baru, Machap, Kelemak, Masjid Tanah, Batang Melaka, Nyalas, Air Panas, Serkam, Sungai Rambai, Tanjong Minyak, Air Keroh, Air Molek, Sungai Udang, Bukit Rambai, Pringgit, Tengkera, Kubu, Durian Daun dan Bandar Hilir. Terdapat tambahan parti baru yang turut merebut kerusi DUN Melaka iaitu Parti Pekemas. BN masih lagi menghadapi musuh tradisinya iaitu DAP yang meletakkan 10 calonnya di Batang Melaka, Nyalas, Air Panas, Air Keroh, Bukit Rambai, Pringgit, Tengkera, Kubu, Durian Daun dan Bandar Hilir. Parti PEKEMAS meletakkan 15 calonnya, PSRM meletakkan 16 calonnya dan Parti BEBAS menghantar 6 orangnya. Ini membuktikan parti-parti pembangkang ini berazam dan berusaha memecah belahkan undi pengundi BN dan menentang BN.

Pilihanraya 1974 di Melaka ini turut membawa seorang calon wanita BN buat pertama kalinya bertanding iaitu Fatimah bt. Ahmad di kawasan DUN Bukit

Rambai yang bertanding dengan calon DAP bernama Lim Yak Thye dan calon PSRM bernama Mohamed Bakar. Selain daripada itu, BN awal-awal lagi telah memenangi kerusi DUN Sungai Bahru tanpa bertanding dengan calon Hj Abdul Ghani b. Ali.⁴⁴

Di bawah ini disediakan keputusan pilihanraya umum 1974 bagi negeri Melaka.

Taboh Naning	Ab Razak b. Alias (BN) 3876 undi Hanafiah b. Mokhtar (PEKEMAS) 1107 undi Ab Rahim b. Hj Basir (PSRM) 691 undi
Sungai Bahru	Hj Abd Ghani b. Ali (BN) Menang tanpa bertanding
Machap	Yeow Kay (BN) 3006 undi Ahad b. Osman (PEKEMAS) 1061 undi Amad b. Muin (BEBAS) 418 undi
Kelemak	Abd Ghani b. Sahak (BN) 3218 undi A. Kadir b. Hamid (PEKEMAS) 1513 undi
Masjid Tanah	Johari b. Mohd Yusof (BN) 4420 undi Yaakob b. Ishak (BEBAS) 464 undi Mohd Kassim b. Hj Yasin (PEKEMAS) 393 undi
Batang Melaka	Lai See Leong (BN) 2723 undi Foo Nyong Piam (DAP) 1022 undi Hj Mohd Adam b. Mohd Anas (BEBAS) 754 undi Abdul Aziz b. Abas (PEKEMAS) 552 undi Minhad b. Maludi (PSRM) 172 undi
Nyalas	Sabarudin b. Yaakub (BN) 3166 undi Kwong Lye Sing (DAP) 869 undi Jantan b. Leman (PEKEMAS) 683 undi
Ayer Panas	Hashim b. Hj Yusuf (BN) 3240 undi Othman b. Taha (PEKEMAS) 1707 undi Gan Kim Kee (DAP) 351 undi
Serkam	Abd Aziz b. Hj Alias (BN) 4085 undi Abdul b. Chudang (PEKEMAS) 838 undi

Sungai Rambai	Hj Ahmad Dahlan b. Hj Saleh (BN) 3114 undi Abd Karim b. Abu (PEKEMAS) 1503 undi
Tanjong Minyak	Hj Mohd Nor b. Noordin (BN) 4660 undi Bong Geok Cheng (PSRM) 2150 undi
Ayer Keroh	Hj Hashim b. Pit (BN) 3441 undi Hasnul b. Ab Hadi (PSRM) 1656 undi Blement be. Brito (DAP) 553 undi Md Said b. Yaman (PEKEMAS) 182 undi
Ayer Molek	MD Di B. Abd Ghani (BN) 4025 undi Sidek b. Ahmad (PSRM) 1126 undi
Sungai Udang	Hj Ahmad b. Haji Manap (BN) 3829 undi Koh Chan Bin (PSRM) 1219 undi
Bukit Rambai	Fatimah Ahmad (BN) 2630 undi Lim Yak Thye (DAP) 1361 undi Mohamad b. Bakar (PSRM) 1085 undi
Pringgit	Tan Cheng Swee (BN) 3999 undi Hassan Bak Tee b. Mohd (DAP) 470 undi Hj Maidi b. Hj Manap (BEBAS) 487 undi Low Kye Chye (PSRM) 473 undi Mizan Puteh (PEKEMAS) 348 undi
Tengkera	Chan Teck Chan (DAP) 2829 undi Yoong Yong (BN) 2708 undi Thei Niu Kim (PSRM) 916 undi S. George De Souza (PEKEMAS) 261 undi
Kubu	Lim Kit Siang (DAP) 4746 undi Sivapunniyah a/l Krishnasamy (BN) 1881 undi Tan Giap Seng (PEKEMAS) 697 undi Thum Kim Kiu (PSRM) 433 undi
Durian Daun	Yong Wee Yook (DAP) 3538 undi Ng Chong Chee (BN) 2488 undi Khoo Chin Sun (PSRM) 334 undi Lee Kuo Ming (PEKEMAS) 250 undi
Bandar Hilir	Bernard Sta. Maria (DAP) 3093 undi Gan Boon Leong (BN) 2538 undi Mohd Yusof b. Hj Mohd (PSRM) 138 undi

Keputusan pilihanraya 1974 memperlihatkan bahawa BN memenangi 16 kawasan DUN termasuk satu kawasan yang dimenangi tanpa bertanding seperti Taboh Naning, Sungai Baru, Machap, Kelemak, Masjid Tanah, Batang Melaka, Nyalas, Ayer Panas, Serkam, Sungai Rambai, Tanjong Minyak, Ayer Keroh, Air Molek, Sungai Udang, Bukit Rambai, Kubu, Durian Daun dan Bandar Hilir.

Barisan Nasional juga masih lagi tidak berjaya mengekalkan empat kerusi di dalam pilihanraya Parlimen yang mana di bahagian Kota Melaka, DAP masih gagah berkuasa dengan calon DAP yang terkenal iaitu Lim Kit Siang. Beliau yang mendapat 17664 undi mengalahkan David Loh Kee Peng dari BN dengan undi 13460, calon PSRM Thum Kim Kir dengan undi 2165 dan calon PEKEMAS Lee Kuo Meng dengan undi 726 undi.

Tiga bahagian lain BN tetap teguh menduduki kerusi di Alor Gajah dan calon terkenal Abdul Ghaffar b. Baba dari BN dengan undi 20890 mengalahkan calon PEKEMAS bernama Ghani b. Long dengan undi 5591. Di Jasin pula, Hj Ahmad b. Ithnin dari BN berjaya memintas calon PEKEMAS bernama Abdul Karim b. Abu. Calon BN itu mendapat 18621 undi dan calon PEKEMAS pula mendapat 6521 undi. Calon MCA bernama Chong Hon Nyam dari BN berjaya mendahului dua calon pembangkang bernama Hasnul b. Abdul Hadi dari PSRM dan Haji Maidin b. Hj manap di kawasan Parlimen Batu Berendam. Calon B mendapat 18182 undi, calon PSRM medapat 8111 undi dan calon BEBAS mendapat 1910 undi.

Pada keseluruhannya, keputusan pilihanraya 1974 telah membawa kemenangan besar kepada BN. BN telah memenangi 135 daripada 154 kerusi Parlimen (104 di Semenanjung, 16 di Sabah dan 15 di Sarawak). Dengan keputusan yang cemerlang ini BN dapat memenangi majoriti 2/3 di parlimen menguasai semua DUN dan mendapat mandat meneruskan dasar politik dan sosio ekonomi.

Terdapat beberapa sebab BN mendapat kejayaan yang besar seperti para pengundi masih lagi terkenangkan akan peristiwa 13 Mei 1969 bersetuju dengan cara politik Tun Razak yang memenangi penyesuaian dan kestabilan. Undi orang Melayu pula hampir tidak berpecah langsung manakala pengundi bukan Melayu pula mengundi dengan berhati-hati oleh itu ianya telah mengurangkan undi menentang. Perkara penting yang membawa kemenangan besar BN ialah pembangkang memecah belah undi telah bertanding melawan satu sama lain tidak seperti dalam pilihanraya 1969 apabila mereka bersatu.

Pilihanraya Umum 1978

Dalam Perhimpunan Agung UMNO yang ke-26 pada Jun 1975, beberapa tindakan telah dibuat untuk memantapkan struktur organisasi BN di peringkat pusat, negeri dan bahagian di seluruh negeri. Antaranya ialah membuat pemilihan tiga jawatan Naib Presiden, membincangkan peraturan mengundi yang baru sebagai tambahan kepada peraturan yang dibuat pada perhimpunan agung sebelum ini

untuk memberhentikan amalan membeli undi dengan cara menghadkan bilangan perwakilan tiap-tiap bahagian. Keputusan pemilihan tiga jawatan Naib Presiden diperolehi dengan kemenangan kepada Abd. Ghaffar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr Mahathir Mohamad. Pada 14 Januari 1976, Tun Abdul Razak telah kembali ke rahmatullah. Tempatnya telah digantikan oleh Datuk Hussein Onn.⁴⁶

Dalam pilihanraya kali ini Parti PAS telah keluar dari BN dan kini telah menjadi penentang kepada BN dan seterusnya akan mencabar BN dalam pilihanraya 1978.⁴⁷

Dalam pilihanraya 1978, hari penamaan calon telah berlangsung pada 12 Jun dan pembuangan undi pada 8 Julai 1978. Pilihanraya di Melaka memperlihatkan BN terpaksa menghadapi musuh ketatnya seperti PAS dan DAP. BN telah menempatkan semua calon-calonnya di 20 kawasan pilihanraya yang sama seperti yang dipertandingkan dalam pilihanraya yang lalu. Parti pembangkang seperti PAS telah meletakkan 14 calonnya untuk bertanding, DAP juga meletakkan 14 calon dan Parti BEBAS hanya meletakkan satu calonnya sahaja di DUN Sungai Baru.⁴⁸

Di dalam tempoh ini telah berlaku krisis dalaman di negeri Melaka yang hebat melibatkan Ketua Menteri Melaka iaitu Datuk Setia Abdul Ghani b. Ali mengenai isu tanah Sri Lingga. Beliau dikatakan telah menyeleweng tanah seluas 3300 ekar yang sepatutnya dibahagi-bahagikan kepada penduduk kampung. Penyelewengan beliau terhadap tanah itu untuk kepentingan peribadinya telah dibongkarkan oleh sekumpulan Wakil Rakyat yang menggelarkan diri mereka

Geng 11. Geng 11 ini ditubuhkan untuk menentang Abdul Ghani⁴⁹ yang diketuai oleh Cikgu Ghani Ishak dan didalangi oleh Abdul Ghaffar Baba. Menjelang pilihanraya, Calon-calon DAP telah menjadikan isu tanah Sri Lingga sebagai bahan kritikan terhadap Abdul Ghani. Mereka mendedahkan bahawa pengambilan tanah itu dibuat dengan tidak melalui aturan-aturan tertentu dan kelulusan yang patut. Mereka menyifatkan projek ini akan menebalkan rasa perkauman Melayu dan Cina.⁵⁰ PAS pula telah menggunakan isu keagamaan dan perpaduan selain turut menyelar peribadi calon-calon BN. Selain itu PAS turut menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran yang ditafsirkan untuk mengelirukan orang ramai dalam kempennya. BN telah mengutarakan DEB sebagai satu cara orang Melayu membaiki ekonomi dan sosial mereka. Calon-calon BN juga telah mengadakan kempen dari rumah ke rumah untuk merapatkan hubungan antara calon dan pengundi. Selain itu perang poster parti-parti juga telah bermula di sana sini.⁵¹

Dalam pilihanraya ini, BN berdepan satu dengan satu melawan calon-calon DAP di kawasan DUN Tengkera, Kubu, Durian Daun dan Bandar Hilir.⁵² Dalam pilihanraya ini juga calon tunggal BN iaitu Fatimah Ahmad kekal bertanding di kawasan lamanya iaitu di DUN Bukit Rambai menentang calon DAP bernama Ahmad b. Che' Man dan calon PAS bernama Hasan b. Jantan.

Dalam pilihanraya di Melaka ini telah mengenangkan beberapa muka baru seperti Abdul Jalil b. Abdul Rahman seorang bekas guru. Beliau bertanding di DUN Kelemak. Beliau ditentang oleh Hj Abdul Kadir dari Parti PAS yang juga seorang bekas guru dan seorang lagi calon DAP.⁵³ Seorang lagi muka baru yang terlibat dalam politik Melaka ialah bertanding di kawasan Sungai Baru. A. Rahim

b. Thamby Chik pula telah dicalonkan di kawasan Alor Gajah. Keputusan pilihanraya Umum 1978 bagi negeri Melaka adalah seperti di bawah ini:

Taboh Naning	Ab. Razak b. Alias (BN) 4117 undi Abd Rahim b. Hj Basir (DAP) 2125 undi Abd Karim Bakar (PAS) 632 undi
Sungai Baru	Mohamed b. Jais (BN) 3935 undi Samat b. Mamat (BEBAS) 1679 undi Jamil b. Md Derus (PAS) 685 undi
Machap	Ng Kim Fong (BN) 2734 undi Wu Tek Mee (DAP) 1558 undi Hj Ahmad Baba (PAS) 883
Kelemak	Abd. Jalil b. Abd Rahman (BN) 3861 undi Hj Abdul Kadir (PAS) 918 undi Abu Bakar b. Mohd Darus (DAP) 804 undi
Masjid Tanah	Idris b. Abd Ghani (BN) 4225 undi A. Majid B. Sulaiman (PAS) 1786 undi
Batang Melaka	Lim Soo Kiang (BN) 3599 undi Gan Kim See (DAP) 1751 undi Mohd Said b. Montel (PAS) 1092 undi
Nyalas	Aziz Tapa (BN) 3535 undi Clement de Brito (DAP) 1233 undi Hj Salleh b. Hj Noor (PAS) 1175
Ayer Panas	Mohd Adib b. Hj Adam (BN) 4002 undi Othman b. Taha (DAP) 1572 undi Alias b. Sijak (PAS) 1010 undi
Serkam	Abdul Aziz b. Haji Alias (BN) 3686 undi Mansor b. Ngah (PAS) 1541 undi Md Ramli b. Md Natar (DAP) 681 undi
Sungai Rambai	Hj Ahmad Dahlan b. Hj Saleh (BN) 3288 undi Abd Karim b. Abu (DAP) 1292 undi Jaliluddin b. Hj Abd Wahid (PAS) 746 undi
Tanjong Minyak	Ahmad Noordin b. Mohd Amin (BN) MTB
Ayer Keroh	Samad b. Kassim (BN) Menang tanpa bertanding

Ayer Molek	Md Di b. Ab Ghani (BN) 5098 undi Hj Ahmad b. Jantan (PAS) 1194 undi
Sungai Udang	Ab. Rashid b. Othman (BN) 3141 undi Dr Ya'kof Hj A. Hassan (PAS) 2998 undi
Bukit Rambai	Fatimah b. Ahmad (BN) 4149 undi Ahmad b. Che' Man (DAP) 2042 undi
Pringgit	Tee Cheng York (BN) 5450 undi Hassan Bak Tee b. Hj Ahmad (DAP) 2928 undi Hj Abdul Jalil b. Hj Ahmad (PAS) 1289 undi
Tengkera	Chan Teck Chan (DAP) 5188 undi Yoong Yong Pow (BN) 4049 undi
Kubu	Lim Kit Siang (DAP) 7329 undi S.K Rm Dorairaj (BN) 2680 undi
Durian Daun	Yong Wee Yook (DAP) 6122 undi Hee Ah Paw ((BN) 2424 undi
Bandar Hilir	Bernard Sta. Maris (DAP) 4522 undi Gan Boon Leong (BN) 3902 undi ⁵⁴

Barisan Nasional mendapat undi yang memberansangkan di mana pungutan undi tetap meningkat daripada pilihanraya yang lalu. Semasa hari penamaan calon, BN awal-awal lagi telah memenangi dua kerusi DUN di Tanjung Minyak dengan calonnya Ahmad Nordin b. Mohd Amin dan Ayer Keroh dengan calonnya Samad b. Kasim. Walau bagaimanapun, BN hanya dapat mempertahankan 16 DUN dan selebihnya dikuasai oleh DAP seperti di DUN Tengkera, Kubu, Durian Daun dan Banda Hilir. Di DUN Tengkera calon DAP (Chan Teck Chan) memperolehi undi sebanyak 5188 manakala calon BN (Yoong Yong Pow) mendapat undi 4049. Calon DAP, Lim Kit Siang berjaya mengalahkan calon BN bernama Dorairaj dengan beza undi mereka 7329 dan 2680 di kawasan Kubu. Dengan undi yang

begitu banyak ini, membuktikan Lim Kit Siang mempunyai pengaruh yang besar dalam kawasan bandar seperti di kawasan ini.

Di kawasan DUN Durian Daun, calon DAP bernama yang Wee Yooh berjaya mendapat undi sebanyak 6122 dan sekaligus berjaya mengalahkan penentangnya bernama Lee Ah Paw dari BN dengan undi sebanyak 2424. Calon DAP bernama Bernard Sta. Maria juga turut berjaya mengalahkan calon BN bernama Gan Boon Leong di kawasan Banda Hilir dengan pungutan undi oleh calon DAP sebanyak 4522 undi dan calon BN sebanyak 3902 undi.

BN juga turut berjaya memperolehi kerusi Parlimen Batu Brendam yang menang tanpa bertanding dengan calonnya Choong Hon Nyan (Tan Sri) manakala dua kerusi lagi dipunyai oleh BN dan satu DAP. Calon BN yang memperolehi kerusi Parlimen di Jasin memang terbukti ketokohnya dalam politik. Beliau ialah Abdul Ghaffar b. Baba yang memenangi kerusi sebanyak 18599 dan berjaya mengalahkan calon DAP bernama Abd Karim b. Abu serta calon PAS bernama Jaliluddin b. Hj Abd. Wahid dengan undi 5660.

Di kawasan Parlimen Alor Gajah pula, muka baru yang dicalonkan dalam pilihanraya ini bernama A. Rahim b. Thamby Chik dari BN telah berjaya mendapat undi sebanyak 22745 dan sekaligus berjaya mengalahkan Dr Yaakob b. Hj Abu Hassan dari Parti PAS dengan undi sebanyak 6876 undi. Kemenangan beliau adalah bertitik tolak daripada personalitinya yang mana beliau adalah bekas pengurus projek Perbandaran Kemajuan Negeri Melaka. Selain itu beliau adalah Ketua Pemuda UMNO Kota Melaka dan Anggota Pergerakan Pemuda UMNO.

Beliau ditentang oleh seorang calon PAS lepasan Universiti Gajah Mada Indonesia yang tidak terkenal.⁵⁵

Kawasan Kota Melaka yang merupakan kawasan Kubu kuat DAP sekali lagi calon BN tidak berjaya membolosi kawasan tersebut. Walaupun calon kegemaran DAP iaitu Lim Kit Siang tidak bertanding di situ dan tempatnya digantikan oleh Chan Teck Chan, namun pengundi kawasan tersebut tetap mengundi calon DAP seperti sebelum ini. Ini membuktikan bahawa calon tidak penting tetapi parti yang bertanding akan diambil kira oleh pengundi untuk menyokongnya. Chan Teck Chan memperolehi undi yang besar dengan 28044 undi mengalahkan Chaw Hock Thye dari BN dengan undi yang hanya 17844 undi. Bagaimanapun, BN Melaka terutama UMNO tetap dapat membina kerajaan.

Pilihanraya Umum 1982

Pilihanraya tahun 1982 diadakan pada 22 April 1982 dan kampen-kempen parti politik dijalankan secara ceramah sahaja untuk mengelakkan peristiwa kempen terbuka seperti yang dialami pada tahun 1969. Pada tahun ini Dr Mahathir Mohamad telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat. Pilihanraya 1982 diadakan lebih awal untuk mendapat mandat serta sokongan rakyat untuk terhadap kepimpinan Dr Mahathir selepas beliau menggantikan Tun Hussein Onn sejak Julai 1981. Barisan Nasional di bawah kepimpinan Dr Mahathir telah memperkenalkan slogan “Bersih, Cekap, Amanah” di samping untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju.⁵⁶

Di Melaka pilihanraya umum bagi DUN Melaka kali ke-enam telah diadakan pada 22 April 1982 serentak di semua negeri. Dalam pilihanraya kali ini Melaka masih lagi terbahagi kepada 20 kawasan pertandingan seperti Taboh Naning, Sungai Baru, Machap, Kelemak, Masjid Tanah, Batang Melaka, Nyalas, Ayer Panas, Serkam, Sungai Rambai, Tanjong Minyak, Ayer Keroh, Ayer Molek, Sungai Udang, Bukit Rambai, Pringgit, Tengkera, Kubu, Durian Daun dan Bandar Hilir. Parti DAP pula meletakkan 19 calonnya di kawasan Taboh Naning, Machap, Batang Melaka, Nyalas, Ayer Keroh, Pringgit, Tengkera, Kubu, Durian Daun dan Bandar Hilir. Parti PAS pula menempatkan calonnya di Taboh Naning, Sungai Baru, Machap, Kelemak, Masjid Tanah, Batang Melaka, Nyalas, Ayer Panas, Serkam, Sungai Rambai dan Sungai Udang. Parti BEBAS pula menempatkan calon-calonnya di empat kawasan seperti Machap, Pringgit, Kubu dan Bandar Hilir.

Keputusan pilihanraya umum 1982 bagi negeri Melaka adalah seperti berikut:

Taboh Naning	Abd. Razak Alias (BN) 5541 undi Woo Hap Hin (DAP) 2052 undi Rahman Sulong (PAS) 356 undi
Sungai Bahru	Mohamed Jais (BN) 5974 undi Abdul Rahman Hj Hassan (PAS) 1251 undi
Machap	Ng Kim Fong (BN) 3757 undi Ahmad Baba (PAS) 709 undi Lim Swee (DAP) 1369 undi Khoo Peck Wan (BEBAS) 215 undi
Kelemak	Abdul Rahim b. Thamby Chik (BN) 5939 undi Abdul Jalil Mohamed Isa (PAS) 643 undi
Masjid Tanah	Idris Ghani (BN) 5824 undi Abdul Majid Hj Sulaiman (PAS) 1300 undi

Batang Melaka	Lim Soo Kiang (BN) 4836 undi Daud b. Suboh (PAS) 739 undi C.S Balan (DAP) 1331 undi
Nyalas	Abdul Aziz Tapa (BN) 5615 undi Adam Hj Latiff (PAS) 665 undi Foo Ah Kaw (DAP) 804 undi
Ayer Panas	Mat Aris Konil (BN) 6367 undi Tompang Sahadan (PAS) 1209 undi
Serkam	Nawawi Mohammed (BN) 4926 undi Salleh Hj Ayob (PAS) 1923 undi
Sungai Rambai	Ahmad Ithnin (BN) 5083 undi Mohamed Yatim Abd Wahab (PAS) 931 undi
Tanjong Minyak	Ahmad Hj Abdullah (BN) Menang tanpa bertanding
Ayer Keroh	Abd Samad Kassim (BN) 7291 undi Robert Ang (DAP) 2474 undi
Ayer Molek	Tamri Abd Ghaffar (BN) Menang tanpa bertanding
Sungai Udang	Ahmad Nordin Mohamed Amin (BN) 6085 undi Yaakob Hj Abu Hassan (PAS) 1069 undi
Bukit Rambai	Fatimah Ahmad (BN) Menang tanpa bertanding
Pringgit	Tee Chong York (BN) 9344 undi Yau Jiok Hua (DAP) 2906 undi Rosnah Kamaruddin (BEBAS) 369 undi
Tengkera	Ng Peng Hay (BN) 6132 undi Bernard Sta Maria (DAP) 4988 undi
Kubu	Yam Wai Hong (BN) 4084 undi Yong Wee Yook (DAP) 5981 undi Tan Choo Chai (BEBAS) 505 undi
Durian Daun	Phua Jin Hock (BN) 4534 undi Lai Keun Ban (DAP) 5141 undi
Bandar Hilir	Gan Boon Leong (BN) 6447 undi Lim Kit Siang (DAP) 3384 undi Lee Ching Sen (BEBAS) 44 undi ⁵⁷

Dalam pilihanraya ini BN telah memenangi tiga kerusi DUN tanpa bertanding iaitu di Tanjong Minyak dengan calon Ahmad Hj Abdullah, Tamrin Abdul Ghaffar di Ayer Molek dan Fatimah Ahmdii Bukit Rambai yang telah memenangi kawasan tersebut selama tiga penggal berturut-turut. Jumlah kerusi oleh BN ialah 18 buah dan iaanya telah meningkat daripada pilihanraya sebelum ini. Parti DAP hanya dapat menduduki dua kerusi DUN iaitu Kubu dan Durian Daun. Calon DAP itu ialah Yong Wei Yook yang memenangi 5981 undi mengalahkan Yam Wei Heng dari BN sebanyak 4084 undi dan calon BEBAS Tan Choo Chai dengan undi 505. Calon DAP yang memenangi DUN Durian Daun pula ialah Lai Keun Ban dengan jumlah undi 5141 dengan menandingi Phua Jin Hock dari BN dengan hanya 453 undi. Dua kawasan DUN yang dimenangi oleh DAP sebelum ini iaitu Tengkera dan Bandar Hilir telah dimenangi oleh calon BN. Buat julung-julung kalinya Lim Kit Siang telah tewas di tangan Gan Boon Leong bagi kerusi DUN Bandar Hilir.


Pilihanraya Parlimen pula BN berjaya memperolehi tiga kerusi Parlimen di Alor Gajah yang meletakkan calon Mohamed Adib Adam dengan mengalahkan Abdul Rahman Hj Hassan dari Parti PAS dan Lim Swee dari Parti DAP. Bagi kawasan Parlimen Jasin pula calon kegemaran BN iaitu Ghaffar Baba telah berjaya mengalahkan lawannya dari Parti PAS bernama Salleh Hj Yaakob. Cheng Hon Nye (Tan Sri) dari BN telah berjaya menduduki kerusi Parlimen Batu Berendam dengan mengalahkan Jalaluddin Hj Abdul Wahid dari Parti PAS. Lim Kit Siang pula walaupun kalah di DUN Bandar Hilir berasasib baik kerana telah berjaya

mendapat undi yang banyak di Parlimen Kota Melaka iaitu 29310 mengalahkan calon BN bernama C'han Teck Chan.

Peratusan undi DUN Melaka ialah BN memperolehi 69.77 peratus, PAS 7.7 peratus, DAP memperolehi 21.71 peratus dan Parti BEBAS mendpat 0.81 peratus. Manakala peratusan undi Dewan Rakyat pula BN mendapat 66.4 peratus, PAS mendapat 12.34 peratus dan DAP mendapat 21.22 peratus.

Daripada keputusan pilihanraya ini, BN kekal menerajui pemerintahan Melaka setelah mendapat majoriti 2/3 undi rakyat Melaka. Abdul Rahim b. Thamby Chik yang telah memenangi kerusi DUN Kelemak dengan undi 5939 yang mengalahkan calon PAS bernama Abdul Jalil Mohamed Isa yang hanya memperolehi 643 undi telah dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka kelima pada 26 April 1982.

Peta 3.3: Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Melaka tahun 1986



Sumber: Malaysia, 1987. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri kecuali Kelantan, Sabah dan Sarawak 1986*, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, Lampiran C.

Pilihanraya Umum 1986

Di Melaka pilihanraya umum bagi DUN telah diadakan pada 24 Julai 1986. Pilihanraya pada kali ini merupakan pengalaman pertama di bawah kepimpinan Datuk Abdul Rahim b. Thamby Chik. Dalam pilihanraya pada kali ini beliau didokong oleh para pemimpin komponen BN seperti UMNO, MCA, MIC, GERAKAN dan PPP. Dalam pilihanraya ini 20 kawasan DUN masih lagi kekal sebagai tempat pertandingan manakala kawasan Parlimen pula telah bertambah menjadi lima kawasan iaitu Alor Gajah, Kota Melaka, Jasin, Batu Berendam dan Selandar.

Barisan Nasional masih mengekalkan 20 calonnya bagi 20 kawasan pertandingan manakala ianya ditentang oleh calon DAP di lapan kawasan seperti di Pulau Sebang, Tebong, Krubong, Tanjung Minyak, Tengkera, Kubu, Durian Daun, dan Bandar Hilir. Manakala PAS telah meletakkan calonnya di 14 kawasan seperti Kuala Linggi, Sungai Bahru, Masjid Tanah, Kelemak, Kemunting, Bukit Asahan, Ayer moleh, Tanjung Minyak, Sungai Udang, Bandar Hilir, Serkam, Ayer Panas, Rim dan Sungai Rambai. Parti BEBAS pula meletakkan calonnya di tiga kawasan iaitu Kuala Linggi, Durian Daun dan Bandar Hilir. Dalam pilihara ini, beberapa orang muka baru yang dikenali ramai telah dicalonkan mewakili BN seperti Mohd Ali b. Mohd Rustam yang bertanding di Ayer Molek, Abu Zahar b. Isnin di Sungai Rambai dan Mohd Zin b. Hj Abd Ghani di Kelemak. Ketiga-tiga tokoh politik ini pernah menyandang jawatan Ketua Menteri Melaka kemudiannya.

Dalam pilihanraya kali ini, BN telah menggunakan manifesto iaitu "Tradisi Membela Rakyat"⁵⁸. Dalam pilihanraya kali ini BN Pusat telah menghadapi krisis

dalaman seperti berlaku pertengkaran antara pemimpin dalam MCA, UMNO dan kekecohan parti GERAKAN berhubung dengan perkara pertambahan kerusi yang adil dalam menghadapi pilihanraya dan beberapa sebab lain.

Krisis MCA yang berlanjutan selama 20 bulan bermula Jun 1983 telah menjaskan sokongan kaum Cina terhadap MCA. Malah ada sebahagian ahli MCA di Kem Neo Yee Pan yang kecewa setelah kekalahan Neo bertanding dalam pilihanraya sebagai Presiden parti telah bertindak menyokong calon DAP sebagai tindakan memprotes.⁵⁹

Isu perletakan jawatan Datuk Musa Hitam di dalam kabinet sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri turut menimbulkan krisis dalaman UMNO. Ini berlaku kerana Musa tidak puas hati dengan pengekalan Tengku Razaleigh Hamzah dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO, yang telah dua kali menghantar surat perletakan jawatan kepada Dr Mahathir. Kesan daripada krisis ini, UMNO yang merupakan parti yang terbesar dalam kerajaan telah terjejas imejnya pada pandangan parti-parti lain akibat krisis ini.⁶⁰

Tuntutan Parti GERAKAN pula mahu supaya diperluaskan kerusi perwakilannya telah menambah kerumitan dalam BN dalam menghadapi pilihanraya. Parti GERAKAN membuat tuntutan itu berdasarkan kepada kecemerlangannya dalam kepimpinannya dan peruntukan yang semakin berkurangan khasnya di Pulau Pinang. Jika permintaan ini tidak ditunaikan GERAKAN akan keluar dari BN.⁶¹

Selain itu tekanan pegawai-pegawai kerajaan ekoran peristiwa tututan gaji oleh Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS). Krisis antara

CUEPACS dengan kerajaan yang tidak mahu melayan tuntutan mereka mencapai ke peringkat mengugut tidak akan menyokong kerajaan BN. Selain itu isu kerugian KWSP sebanyak RM141 juta menjadi isu pembangkang menyalahkan kerajaan. Faktor kerugian itu ialah KWSP telah menjual saham-saham 13 buah syarikatnya di bawah harga pasaran Makuwasa, sebuah syarikat milik kerajaan. Akibat daripada pemindahan itu yang dibuat pada Jun 1984 hingga Mac 1985, KWSP menanggung kerugian RM9.9 juta. Terdapat saham syarikat yang dipindahkan bernilai RM2 pada harga pasaran tetapi KWSP menjualnya dengan harga RM0.50 sahaja. Krisis-krisis dalaman ini sedikit sebanyak menggugat kerajaan BN yang akan menghadapi pilihanraya tidak lama lagi.

Menjelang pilihanraya ini parti pembangkang semakin cergas menjalankan kempen-kempen dan meniupkan krisis-krisis dalaman BN sebagai isu-isu utama semasa mereka berkempen. Parti DAP telah menggunakan isu skandal BMF kerana melibatkan wang rakyat sejumlah RM2.5 ribu juta dan merupakan skandal terbesar dalam sejarah korporat negara yang melibatkan Presiden MCA iaitu Tan Koon Swan. Kebanyakan pengundi Cina di Bandar mlarikan sokongan mereka kepada pembangkang kerana kerugian Multi-Purpose Holding dan KWSP, pembongkaran pemindahan saham United Malayan Banking Corporation (UMBC), keruntuhan industri perlombongan, pembuangan kerja dan pengangguran. Banyak pihak menyalahkan kerajaan tidak cekap mentadbir negara apabila isu-isu tersebut mengancam kepentingan rakyat yang terlibat dengan urusan perniagaan.⁶²

Selain itu Presiden DAP iaitu Lim Kit Siang telah memainkan isu Bukit China apabila Ketua Menteri Melaka Datuk Abdul Rahim mengumumkan

rancangan kerajaan untuk membangunkan Bukit China pada 5 Oktober 1983. Rancangan kerajaan tersebut ialah untuk menjadikan Bukit China sebagai kawasan perdagangan. Kempen-kempen yang dijalankan oleh Lim Kit Siang telah mendapat sambutan hangat oleh masyarakat Cina yang mendakwa tindakan kerajaan itu adalah tidak rasional kerana ingin menghapuskan sejarah kaum Cina di negeri ini dengan sewenang-wenangnya.⁶³

Parti PAS pula telah memainkan isu Memali di Baling Kedah untuk mempengaruhi rakyat tentang tidak berperikemanusiaan kerajaan. Dalam peristiwa itu satu pertempuran telah berlaku antara polis dan sekumpulan orang Melayu yang dikatakan pengikut PAS pada 19 November 1985. Dalam peristiwa ini 4 orang anggota polis dan 14 orang awam terkorban. Tragedi ini berlaku apabila pihak polis melancarkan gerak khas untuk menangkap Ibrahim b. Mahmood atau Ibrahim Libya dan dua pengikutnya Mad Ramli Che Mid dan Yusuf Che Mid yang dikehendaki oleh polis.⁶⁴ PAS menimbulkan satwa mengenai mangsa yang terkorban dalam Peristiwa Memali itu sebagai 'mati syahid'. Selain itu PAS turut memainkan isu kafir mengkafir dalam kempen politiknya untuk memecah belahkan orang Melayu. Selain itu tindakan beberapa pemimpin PAS mengenai hak keistimewaan orang Melayu tidak perlu diadakan untuk melindungi kaum lain di negara ini kerana Islam telah menetapkan hak sama taraf tanpa mengira kaum juga telah mencetuskan kemarahan orang-orang Melayu.⁶⁵

Pemimpin BN pula telah memainkan isu kerjasama PAS dengan orang Cina melalui Majlis Perundingan Cina. Sebagai salah satu kemenpilihanraya, memainkan isu kerjasama ini untuk menyelar PAS yang sebelum ini

menuduh BN sebagai kafir kerana bergabung antara UMNO dengan MCA dan MIC sebaliknya idea itu telah ditiru oleh PAS.

Apabila pilihanraya 1986 diumumkan bagi negeri Melaka, BN telah memenangi 17 kerusi DUN manakala bakinya dimenangi oleh DAP. Dalam pilihanraya yang lalui BN memperolehi 18 kerusi DUN.⁶⁶ Manakala BN telah memenangi tiga kerusi Parlimen di Alor Gajah oleh Adib Adam dengan undi 19770 mengalahkan calon PAS bernama Abdul Rahman Hj Hassan dengan undi 3918 undi. Di Selandar pula yang merupakan kawasan baru yang dipertandingkan bagi kerusi Parlimen, calon BN iaitu Kok Wee Kiat (Datuk) telah berjaya mengalahkan Ang Kuang Meng dari DAP dengan beza undi 17864 dan 7417. Abdul Ghaffar Baba pula telah memenangi kerusi Parlimen di Jasin mengalahkan calon PAS bernama Rahimin b. Bani manakala anaknya Tamrin Abdul Ghaffar telah berjaya mengalahkan calon PAS bernama Hj Jalaluddin Abdul Wahid di Parlimen Batu Berendam. Parlimen Kota Melaka yang merupakan kubu kuat DAP telah dimenangi oleh Lim Guan Eng (34573 undi) dengan mengalahkan calon BN bernama Soh Chin Aun (34573 undi) Keputusan pilihanraya DUN Melaka adalah seperti berikut:

Kuala Linggi	Bahari b. Hasan (BN) 3841 undi Ab. Rahman b. Hj Hasan (PAS) 774 undi Md Ali b. Bagus (BEBAS) 1161 undi
Sungai Bahru	Mohd Ali b. Abd Majid (BN) 4365 undi Mohamed Ramli b Lasim (PAS) 865 undi
Masjid Tanah	A. Rahim b. Thamby Chik (BN) 5199 undi Kassim b. Yunus (PAS) 1047 undi
Kelemak	Mohd Zin b. Hj Abd Ghani (BN) 5477 undi Jalil b. Mohamad Isa (PAS) 885 undi

Pulau Sebang	Poh Ah Tiam (BN) 3695 undi Ang Kuang Meng (DAP) 2075 undi
Kemuning	AHMAD B. Hj Abdullah (BN) 4636 undi Talip b. Dollah (PAS) 987 undi
Tebong	Arunasalam a/l Narayanan (BN) 5211 undi Pung Soon Keong (PPPM) 125 undi Wong Shin Chye (DAP) 2068 undi Ong Kwee Lan (NASMA) 301 undi
Bukit Asahan	Jenah Bt Sarip (BN) 4777 undi Abd Rahim b. Mohd (PAS) 1239 undi
Ayer Molek	Mohd Ali b. Mohd Rustam (BN) 9484 undi Husain b. Kasim (PAS) 2415 undi
Krubong	SEAH Kwi TONG (BN) 7208 undi Tan Tong Chiew (DAP) 4845 undi
Tanjong Minyak	Yasin b. Hj Mohd Sarif (BN) 5133 undi Abd Rahman b. Daud (PAS) 632 undi Lim Swee (DAP) 2970 undi
Sungai Udang	Ahmad Noordin b. Md Amin (BN) 7956 undi Hassan b. Md Dahan (PAS) 2895 undi
Tengkera	Sim Tong Him (DAP) 8267 undi Ng Peng Hong (BN) 6279 undi Thei Niu Kim (PPPM) 104 undi
Kubu	Yau Jiok Liong (DAP) 7744 undi Anthony Louis Taye (BN) 3077 undi
Durian Daun	Ker Kim Hock (DAP) 7842 undi Lai See Liong (BN) 3034 undi Yong Wee Yook (BEBAS) 215 undi Low Kim Seng (PPPM) 111 undi
Bandar Hilir	Gan Boon leong (BN) 7870 undi Ang Kwee Teng (DAP) 5840 undi Jaliluddin b. Hj Abd Wahid (PAS) 998 undi Rosnah Bt Kamarudin (BEBAS) 77 undi
Serkam	Arifin b. Baba (BN) 6476 undi

	A. Hamid b. Samad (PAS) ..2523 undi
Ayer Panas	Lim Ah Kow (BN) 5539 undi Abu Bakar b. Saamin (PAS) 1975 undi
Rim	Jaafar b Lajis (BN) 3732 undi Tompang b. Saadan (PAS) 797 undi
Sungai Rambai	Abu Zahar b. Isnin (BN) 4168 undi Rahimi b. Bani (PAS) 1729 undi ⁶⁷

Beberapa orang muka baru BN dicalonkan dalam pilihanraya ini seperti Mohd Ali b. Mohd Rustam telah berjaya mendapat undi di DUN Ayer Molek mengalahkan calon PAS bernama Husain b. Kasim dengan undi 2415 undi. Begitu juga dengan Abu Zahar b. Isnin dan Mohd Zin b. Hj Abd Ghani yang masing-masing memenangi DUN Sungai Rambai dan Kelemak.

Dengan keputusan pilihanraya umum ini, BN layak mendapat mandat untuk memerintah negeri Melaka. Selain daripada itu ketokohan Datuk Abdul Rahim b. Thamby Chik sebagai Ketua Menteri Menteri berjaya menempis serangan dan penentangan pembangkang-pembangkang yang sentiasa cuba untuk menjatuhkan kerajaan BN. Selain itu kemenangan majoriti 2/3 BN dalam pilihanraya ini membuktikan rakyat Melaka tidak terpedaya dengan dakyah-dakyah dan tohmahan parti-parti pembangkang di dalam kempen-kempen mereka.

Pilihanraya-pilihanraya umum yang diadakan sejak tahun 1959 hingga 1986 dijadikan kayu ukur untuk menguji keberkesanan Perikatan / Barisan Nasional sebagai parti pemerintah. Dalam setiap pilihanraya yang diadakan BN Melaka tetap berjaya mendapat mandat untuk memerintah. Negeri Melaka turut digelar kubu kuat Perikatan sejak tahun 1959 juga merupakan negeri yang kuat dipengaruhi oleh parti pembangkang seperti DAP. Ini kerana pemimpin DAP, Lim Kit Siang ternyata lebih berpengaruh di beberapa kawasan DUN dan Parlimen di negeri ini.

Keputusan pilihanraya ini juga turut menilai kehebatan dan ketokohan beberapa orang tokoh politik seperti Abdul Ghaffar Baba, Mohamed b. Abdul Rahman dan beberapa orang lagi yang tidak pernah kalah dalam di setiap kawasan yang dipertandingkan dalam pilihanraya. Hasil daripada kerajaan BN, Negeri Melaka berada ditahap yang maju dalam sektor politik, pembangunan, ekonomi, perlancongan, kebudayaan dan kesenian. Kemajuan yang diperolehi di sini merupakan hasil sokongan rakyat Melaka yang setia menyokong Barisan Nasional.

Nota Hujung

- ¹ *Encyclopedia Of The Social Science*, The Macmillan Company, New York, hlm. 450
- ² C.W Cassinelli, 1961. *The Politic Of Freedom, An Analysis Of Modern Democratic State*, University Of Washington Press, hlm. 8.
- ³ Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994. *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 966.
- ⁴ T.E Smith, 1955. *Report On The First Election Of Member to The Legislative Council Of The Federation Of Malaya*, Government Printer, hlm. 10.
- ⁵ Ramlah Adam, 1992. *Dato Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur,
- ⁶ Ibrahim Mahmood, 1982. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm. 753.
- ⁷ Ramlah Adam, 1992. *Dato Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 358.
- ⁸ Ibrahim Mahmood, 1982. *op.cit.*, hlm. 723.
- ⁹ Lim Chong Eu dilahirkan di Pulau Pinang berketurunan Cina Peranakan, menuntut di England dalam jurusan kedoktoran. Setelah pulang ke Pulau Pinang beliau telah menceburi bidang politik bermula dengan menyertai Parti Rakyat 1951, kemudia beliau menganggotai MCA di dalam Perikatan dan akhirnya dipilih menjadi ketua pemimpin MCA pada tahun 1955. Beliau merupakan pemimpin Cina yang sangat mengambil berat tentang masalah masyarakat Cina terutama dalam soal kerakyatan, bahasa Cina dan pendidikan Cina. Beliau meletakkan jawatan sebagai ketua MCA pada 30 Julai 1959 setelah menghadapi beberapa krisis di dalam parti MCA. Tew Peng Kooi, 2000/2001. "Kepimpinan Tun Dr Lim Chong Eu di Pulau Pinang 1974", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 179.
- ¹⁰ R.S Milne dan D.K Mauzy, 1992. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 179.
- ¹¹ Federation Of Malaya, 1960. *Report On The Parliament and State Election 1959*, Government Press, Kuala Lumpur, hlm. 37-38.
- ¹² *Ibid.*, hlm. 35.
- ¹³ Ali Amat, 1980/1981. "PAS Melaka 1957-1974", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 216.
- ¹⁴ *Ibid.*, hlm. 219.
- ¹⁵ R.S Milne dan D.K Mauzy, 1992. *op.cit.*, hlm. 179.
- ¹⁶ Tew Peng Kooi, 2000/2001. *op.cit.*, hlm. 71.
- ¹⁷ R.S Milne Dan D.K Mauzy, 1992. *op.cit.*, hlm. 63.
- ¹⁸ Ibrahim Mahmood, 1982. *op.cit.*, hlm. 798.
- ¹⁹ G.P Means, 1970. *Malaysia Politics*, Hodder and Stoughton Limited, London, hlm. 314.
- ²⁰ Ibrahim Mahmood, 1982. *op.cit.*, hlm. 806.
- ²¹ *Utusan Melayu*, 15 Ogos 1974.
- ²² Federation Of Malaya, 1965. *Report On The Parliamentary and State Election 1964*, Government Press, Kuala Lumpur, hlm. 124-126
- ²³ *Utusan Melayu*, 8 Mei 1986.
- ²⁴ Penubuhan DAP pada mulanya dicadangkan oleh PPP tetapi kemudian dibatalkan oleh kerajaan Perikatan Malaysia berikutan pemisahan Singapura dari Malaysia pada 9 Ogos 1965. Perpisahan berlaku kerana perbezaan ideologi parti antara Lee Kuan Yew dengan Tengku Abdul Rahman. DAP akhirnya didaftarkan pada 19 Mac 1966. Matlamat DAP ialah memperjuangkan konsep *Malaysian Malaysia*.
- ²⁵ G.P Means, 1970. *op.cit.*, hlm. 319.
- ²⁶ Konsep *Malaysian Malaysia* ialah Malaysia untuk semua rakyat semua Malaysia akan mengancam kedudukan dan hak istimewa orang Melayu. Ini kerana kosep bermatlamat untuk membina sebuah negara Malaysia di mana semua warganegara Malaysia akan menerima layanan dan status yang sama rata tanpa mengira perbezaan kaum. *Ibid.*, hlm. 47.
- ²⁷ Yusuf Khan Loth Khan, 2000. *Nostalgia Pilihanraya 1955-1999: Perjalanan Menuju Abad 21*, Pulau Pinang, hlm. 43.
- ²⁸ *Ibid.*, hlm. 44.
- ²⁹ R.S Milne dan D.K Mauzy, 1992. *op.cit.*, hlm. 186.

³⁰ *Ibid.*, hlm 207.

³¹ Malaysia, 1972. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak tahun 1969*, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, hlm. 100-103

³² Lim Kit Siang lahir pada 20 Februari 1941 di Batu Pahat Johor. Beliau pernah menjadi Setiausaha Agung DAP dan ketua parti pembangkang dalam Parlimen. Bermatlamat untuk merealisasi konsep Malaysian Malaysia. Dalam perjalanan politiknya hanya menemui kegagalan dua kali sahaja di dalam pilihanraya 1969 di serdang dan piliharya 1982 di Banda Hilir Melaka. Telah menjadi ahli Parlimen Kota Melaka dalam pilihanraya 1969, 1974 dan 1982 untuk kerusi DUN. Beliau telah berturut-turut menjadi ADUN bagi kawasan Kubu Melaka pada tahun 1974-1978. Pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama dua kali iaitu pada 18 Mei 1969-1 Oktober 1970 dan pada tahun 1987 hingga 19 April 1989. Chong Siew Kiaw, 1993/94. "Pandangan Akhbar-akhbar Cina terhadap Imej dan kepimpinan Lim Kit Siang", Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 156.

³³ Malaysia, 1972. *op.cit.*, hlm. 132.

³⁴ G.P Means, 1970. *op.cit.*, hlm. 396.

³⁵ R.S Milne dan D.K Mauzy, 1992. *op.cit.*, hlm. 189.

³⁶ Siti Rakiah Sheik Zahari, 1980/81. "Peranan Parti-parti Politik Dalam Mem polarisasikan Hubungan Kaum Di Malaysia", Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 88-94. 1984?. *Krisis DAP: Ke Mana Lim Kit Siang Membawa DAP*, Karya Bistari Sdn Bhd, Petaling Jaya, hlm. 60.

³⁷ Peristiwa 13 Mei tercelus tiga hari sesudah pilihanraya, penyokong-penyokong GERAKAN dan DAP yang bersorak sorai menjelajah jalan-jalan raya di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Perarakan balas oleh para penyokong UMNO pada 13 Mei bertukar carak menjadi keganasan yang tidak dapat dikawal di seluruh bandaraya. Rusuhan kaum ini menyebabkan darurat diumumkan di bawah Artikel 150 dalam perlembagaan. Parlimen dan pilhanraya digantung. Majlis Tindakan Negara ditubuhkan bagi mentadbir negara. Dalam masa 21 bulan, MAGERAN telah mengusahakan beberapa dasar penting seperti memperbesarkan angkatan bersejata negara, mempercepatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah, mengharamkan persoalan mengenai isu-isu sensitif, mengisyiharkan ideology negara iaitu Rukun Negara dan melancarkan Rancangan Malaysia Kedua. Dalam bulan Februari 1971, Parlimen telah berfungsi semula. Syed Ahmad Hussein dan Y. Mansoor Marican (ed), 1989. *Integrasi Politik: Kumpulan Rencana Pilihan*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 68-89. Untuk keterangan lanjut sila lihat R.S Milne dan Dk Mauzy, 1992. *op.cit.*, hlm. 98-99, G.P Means, 1970. *op.cit.*, hlm. 396-97.

³⁸ Tun Abdul Razak telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 22 September 1970. Beliau menggantikan Tengku Abdul Rahman dan menjadi Perdana Menteri Malaysia kedua sejak merdeka. Shariff Ahmad, 1999. *Tun Razak Putera Titiwangsa*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 128.

³⁹ D.K Mauzy, 1983. *BN: Coalition Government in Malaysia*, Marican and Sons (m) Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 52-70.

⁴⁰ R.S Milne, 1992. *op.cit.*, hlm. 217.

⁴¹ *Utusan Melayu*, 1 Ogos 1974

⁴² R.S Milne, 1992. *op.cit.*, hlm. 228-229

⁴³ *Utusan Melayu*, 17 Ogos 1974

⁴⁴ *Utusan Melayu*, 17 Ogos 1974.

⁴⁵ Malaysia, 1975. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah dan Sarawak tahun 1974*, Suruhanjaya pilihanraya Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 115-119

⁴⁶ Datuk Hussin Onn telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ketiga pada 15 Januari 1976. Beliau menggantikan Tun Abdul Razak yang telah meninggal unia pada 14 Januari 1976.

⁴⁷ Yusoff Khan Loth Khan, 2000. *op.cit.*, hlm. 92.

⁴⁸ *Utusan Melayu*, 5 Julai 1978.

⁴⁹ *Utusan Malaysia*, 23 Disember 1976.

⁵⁰ *Utusan Melayu*, 13 Mei 1977

⁵¹ *Utusan Melayu*, 1 Julai 1978.

⁵² *Ibid.*, 5 Julai 1978

-
- ⁵³ *Ibid.*, 6 Julai 1978.
- ⁵⁴ Malaysia, 1980. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri kecuali Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978*, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, hlm. 119-121.
- ⁵⁵ *Utusan Melayu*, 6 Julai 1978.
- ⁵⁶ *Ibid.*, 22 April 1982.
- ⁵⁷ Malaysia, 1983. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan negeri kecuali Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1982*, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, hlm. 115-119.
- ⁵⁸ *Utusan Melayu*, 21 Julai 1986.
- ⁵⁹ Mohd Arif b. Heng, 1986/87. "Satu Analisis Isu; Propaganda Dan Perjuangan Parti Politik Dalam Pilihanraya Umum (tumpuan pilihanraya umum 1986)", Latihan Limiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur, hlm. 7.
- ⁶⁰ Syed Arabi Idid Safar Hashim, 1993. *Pilihanraya Umum Satu Perspektif Komunikasi Politik*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 34.
- ⁶¹ Mohd Arif b. Heng, 1986/87. *op.cit.*, hlm. 8.
- ⁶² *Ibid.*, hlm. 5.
- ⁶³ Chow Siew Kiaw, 1993/94. *op.cit.*, hlm. 80.
- ⁶⁴ Syed Arabi Idid Safar Hashim, 1993. *op.cit.*, hlm. 34.
- ⁶⁵ *Utusan Melayu*, 26 Julai 1986.
- ⁶⁶ *Utusan Malaysia*, 5 Ogos 1986.
- ⁶⁷ Malaysia, 1987. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri kecuali Kelantan, Sabah dan Sarawak 1986*, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, hlm. 112-113.